

Jilid I
Bil. 15



Hari Rabu
5hb Januari, 1983

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1609]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bank Islam [Ruangan 1642]

Rang Undang-undang Jemaah Pemeriksa Elektrik [Ruangan 1664]

Rang Undang-undang Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak [Ruangan 1685]

Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah [Ruangan 1694]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Timbalan Yang Dipertua, DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO' CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Johor).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO' S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN H'NG HUNG YONG (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P.
(Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, D.P.S.M., K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P.
(Melaka).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO' KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD,
K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S.
(Sarawak).
- „ DATO' KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P.
(Pahang).
- „ DATO' HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI
MOHAMAD, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K.
(Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T.,
S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN M. K. MUTHUSAMY, K.M.N., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Dilantik).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri
Sembilan).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M.
(Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).

- Yang Berhormat DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I.,
J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN MAASOM (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ DATO' WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N.
(Kelantan).
- „ DATO' YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 5hb Januari, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

AKTA SEWA BELI—
PELANGGARAN
PENIAGA-PENIAGA

1. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian, memandangkan bahawa menurut Akta Sewa Beli 1967 setiap barang yang dibayar secara ansuran oleh pembeli mestilah dibuat dengan surat perjanjian yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak iaitu pembeli dan penjual untuk menyatakan:

- (a) berapa banyakkah tindakan telah diambil oleh Kementerian terhadap peniaga-peniaga yang melanggar Akta Sewa Beli tersebut dan berapa ramai di antara mereka dihadapkan ke mahkamah dalam tahun 1981; dan
- (b) sama ada Kementerian bercadang untuk meminda Akta tersebut untuk mencegah berlakunya penipuan oleh para peniaga ke atas pembeli, lebih-lebih lagi dalam perkara pembelian barang-barang elektrik dengan cara "pembayaran mudah".

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):

Tuan Yang Dipertua, untuk menjawab soalan (a), Kementerian saya telah mengambil tindakan sebanyak 48 kes di bawah Akta Sewa Beli 1967 dalam tahun 1981 dan 1982. Daripada jumlah kes ini sebanyak 14 kes telah dihadapkan di Mahkamah, 23 kes sedang dalam siasatan lanjut dan sebanyak 11 kes tidak diteruskan tindakan kerana kekurangan bukti.

Untuk menjawab soalan (b), sukalah saya menyatakan bahawa takrif sewa beli dengan bahasa yang lebih mudah ialah membeli barang secara bayaran ansuran. Kementerian saya tidak bercadang untuk meminda Akta berkenaan untuk merangkumi pembelian barang-barang secara pembayaran mudah disebabkan oleh kerana pembeli cara ini adalah bermaksud pembelian secara tunai. Apa yang sebenarnya berlaku ialah di atas persetujuan dan percaya mempercayai antara pembeli dan penjual pembayaran tunai ini dilakukan oleh pembeli lebih daripada sekali yang mana pada kebiasaannya tidak melebihi daripada enam kali bayaran.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang Dipertua, adakah Kementerian bercadang untuk meminda Akta Sewa Beli untuk memberi satu peruntukan di mana syarikat-syarikat sewa beli boleh mengambil balik kereta-kereta tanpa perintah daripada mahkamah terlebih dahulu.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang Dipertua, di bawah Akta Sewa Beli apabila satu penyewa tidak bayar ansuran lebih daripada dua kali berturut-turut, peruntukan diberi kepada pemunya memberi notis secara bertulis kepada penyewa untuk intention to repossess, dengan izin, dan dengan itu pemunya boleh menjalankan tindakan untuk mengambil balik barang-barang itu. Jadi, ini tidak payah pergi kepada mahkamah dan oleh kerana itu saya tidak menganggap sesuai untuk meminda Akta.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Soal ini sering berlaku kepada rakyat kita di Malaysia tentang sewa beli kereta ini. Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan kelewatan bayaran 2 ataupun 3 bulan, baru-baru ini ada pengaduan daripada seorang kepada saya mengatakan keretanya 2 bulan tidak dibayar, tiba-tiba geng datang untuk meminta duit, bukan arahan daripada syarikat untuk mengambil kereta balik. Orang itu hendak bayar wangnya masa itu juga sebanyak \$400 sebulan, 2 bulan berjumlah \$800 tetapi dia tidak mahu terima, kalau mahu terima kena pergi ke kedai tempat ambil kereta dahulu, tuannya kereta itu telah pergi ke kereta selepas itu dia bercakap, kalau awak hendak kereta balik, awak mesti bayar \$200 upah geng yang pergi memerah wang tadi. Oleh itu, saya hendak bertanya apakah tindakan Kerajaan, adakah Kerajaan tahu dengan cara-cara yang dibuat oleh sewa beli ini yang berjalan sekarang ini.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya sedar bahawa ada tindakan yang diambil untuk mengambil balik barang-barang itu, tetapi kalau proses yang mengambil balik itu tidak mengikut undang-undang, pihak pembeli boleh buat laporan kepada Kementerian

saya dan kita boleh ambil tindakan sewajarnya.

PETRONAS—MENCARIGALI MINYAK

2. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Petronas bercadang untuk mencarigali minyak di negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung Malaysia seperti Perlis dan Kedah kerana pada masa ini Petronas lebih menumpukan usaha carigali minyak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia sahaja.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang Dipertua, pada masa ini aktiviti-aktiviti mencarigali minyak di Semenanjung Malaysia ditumpukan di kawasan Pantai Timur memandangkan keadaan geologi yang menggalakkan di kawasan itu.

Usaha mencarigali minyak di kawasan Pantai Barat Semenanjung, terutamanya di luar Pantai Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis telah pun dijalankan oleh Syarikat Minyak Mobil antara tahun 1969 sehingga 1974. Hasil usaha itu menunjukkan potensi adanya minyak di kawasan-kawasan Pantai Timur memandangkan keadaan geologi yang menggalakkan di kawasan itu.

Walau bagaimanapun untuk menilai potensi minyak di kawasan Selat Melaka yang terletak dalam perairan Malaysia secara lebih mendalam, Petronas bercadang untuk menjalankan suatu kajian seismik di kawasan itu pada awal tahun ini.

SYARIKAT PERKAPALAN ANTARABANGSA (M.I.S.C.)

3. Dato' Yap Peng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sebanyak manakah kerugian yang dialami oleh Syarikat Perkapalan Antarabangsa

- (MISC) tiap-tiap tahun semenjak ia ditubuhkan;
- (b) kelemahan-kelemahan yang menjadi punca kerugian ini; dan
- (c) langkah-langkah positif yang diambil bagi mengatasi perkara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, (a) semenjak Syarikat Perkapalan Antarabangsa (M.I.S.C.) ditubuhkan dalam bulan November 1968, kerugian yang dialami hanyalah di dalam tahun-tahun 1970 dan 1971. Jumlah kerugian bagi tahun 1970 ialah \$828,859 dan bagi 1971 sejumlah \$1,698,519. Sejak itu sehingga sekarang Syarikat itu telah memperolehi keuntungan. Bagi tahun berakhir pada 31hb Disember, 1983 keuntungan terkumpul ialah sebanyak \$76,461,000.

(b) Kerugian yang berlaku itu ialah semasa M.I.S.C. masih lagi dalam tempoh pembentukan (formative period) di mana M.I.S.C. belum lagi menjalankan operasi sepenuhnya, kerana ianya tidak mempunyai bilangan kapal yang mencukupi bagi menyediakan perkhidmatan perkapalan yang selengkapnya.

(c) M.I.S.C. sentiasa berusaha untuk memajukan operasinya serta meningkatkan keuntungan. Di antara langkah-langkah yang diambil bagi maksud itu ialah:

- (i) mempelbagaikan jenis kapal yang dimiliki;
- (ii) mengadakan perkhidmatan perkapalan baru yang dijangka boleh menguntungkan;
- (iii) mengubahsuaikan perkhidmatan yang sedia ada, misalnya dengan mengubahsuaikan kapal-kapal barangan am untuk dijadikan kapal-kapal kontena; dan
- (iv) mengambil langkah-langkah positif bagi mengurangkan

perbelanjaan perorangan
M.I.S.C.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang Dipertua, adakah boleh Kerajaan menimbang-kan semula bahawa sebagaimana yang kita maklum M.I.S.C. ini ada mempunyai modal perseorangan. Ini tidak boleh kita nafikan. Adakah Kerajaan boleh bercadang supaya menarik balik modal perseorangan itu pada masa kita hendak melancarkan operasi baru dengan menggantikan badan-badan swasta yang lain, umpamanya, Tabung Haji, FELDA dan sebagainya sebagaimana yang dianjurkan oleh Kerajaan dalam penubuhan Bank Islam?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik modal perseorangan itu kerana peranan yang dimain oleh pelabur ini amatlah penting bagi menubuhkan sebuah syarikat perkapalan yang mana pada ketika itu kita tidak mempunyai expertise sama sekali dan kita sebenarnya bergantung kepada mereka itu untuk mendapat expertise ini dan juga kenalan dengan syarikat-syarikat perkapalan di seluruh dunia yang mana ini adalah penting bagi menjayakan sebuah syarikat perkapalan.

Adalah tidak wajar apabila kita sudah dapat nikmat daripada seseorang maka kita dengan mudahnya luahnya keluar sebagai hampas sahaja.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkaitan dengan pembesaran perkapalan di negara kita. Pada masa ini nampaknya terlalu banyak pembayaran perkapalan, insurance rate semua sekali itu yang menjajaskan kedudukan kewangan

negara kita ataupun deficit ini balance of payment. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat sama ada Kerajaan akan merancangkan secepat mungkin memperbesarakan lagi perkapalan negara kita?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan bukan sahaja bercadang tetapi telah pun berusaha untuk memperbesarakan perkhidmatan perkapalan yang berasal daripada Malaysia dengan baru-baru ini menubuhkan sebuah lagi Syarikat Perkapalan Nasional yang di miliki 100% oleh pihak PERNAS dan syarikat perkapalan ini walaupun cuma 1½ tahun sahaja umurnya sudah pun memiliki kapal beratnya hampir 200 ribu tan.

MAKANAN MENGANDUNGI BAHAN HORMON

4. Dato Haji Mohd. Nor Mohamad minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa terdapat pelajar-pelajar di peringkat rendah awalan yang wujud dengan bentuk dan sifat seks yang terdapat pada wanita dewasa, termasuklah kedatangan haid dan masalah emosi yang mendalam yang disebabkan oleh makanan yang dijamukan dengan hormon; dan jika ya, sama ada beliau telah menjalankan kajian untuk memastikan perkara ini; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil bagi memastikan "Oestrogen" termasuk "carbubigen diethylstilbestrol" (DES) dan campuran menyerupai hormon itu tidak jatuh ke tangan penternak-penternak.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua,

- (a) Setakat ini Kementerian Kesihatan tidak ada menerima

laporan tentang makanan yang mengandungi bahan-bahan hormon dan kesan-kesannya kepada kanak-kanak perempuan, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya diberitahu oleh pihak-pihak tertentu bahawa haiwan ternakan di dalam negara ini tidak lagi disuntik dengan bahan-bahan hormon.

- (b) Seperti yang telah saya terangkan tadi, bahan-bahan oestrogen tidak lagi digunakan dalam perusahaan ternakan ayam khususnya.

LUBNAN—BANTUAN PEMULIHAN DARI MALAYSIA

5. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan Lubnan sekarang sedang di dalam proses pembangunan, sama ada Kerajaan Malaysia akan turut membantu di dalam proses pemulihan ini dan jika ya nyatakan jumlah perbelanjaan yang akan diperuntukkan dan jika tidak, kenapa.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, Malaysia memang berhasrat untuk memberi bantuan mengikut kemampuannya untuk menolong Lubnan dalam usaha membangunkan semula negara itu. Tetapi memandangkan suasana di mana Israel masih berterusan menduduki Lubnan, Kerajaan tidak bercadang untuk menimbangkan bantuan tersebut buat masa ini.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, setakat ini tidak terdapat sebarang permintaan dari Kerajaan Lubnan sendiri atau mana-mana parti yang merayu bantuan dari Malaysia.

Walau bagaimanapun, jika adanya permintaan, Kerajaan tetap bersedia

untuk memberi pertimbangan sekiranya tentera-tentera Israel keluar dari Lubnan dan kedaulatan Lubnan dipulihkan kembali.

MEMBURUKKAN IMEJ NEGARA OLEH PENUNTUT-PENUNTUT

6. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap rakyat Malaysia yang tinggal di luar negeri yang menghasut penuntut-penuntut kita di luar negeri dengan mencerca, memutarbelitkan isu-isu, membusuk-busukkan negara kita kepada dunia luar termasuk mengada-adakan perkara-perkara yang tidak pernah berlaku di negara ini memandangkan perbuatan seperti itu telah merosakkan nama baik Malaysia di luar negeri.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, hanya segelintir rakyat Malaysia di luar negeri yang melakukan perbuatan memburuk-burukkan imej dan nama negara mereka sendiri. Kumpulan kecil ini ialah hard-core yang berterusan mengecam dan menentang Kerajaan walaupun ada penjelasan yang disampaikan kepada mereka.

Sungguhpun mereka berhak menyuarakan pendapat mengenai sesuatu isu di tanahair yang mereka tidak setuju tetapi perbuatan memburuk-buruk serta memutarbelitkan isu di luar negeri adalah sangat dikesalkan bukan sahaja Kerajaan tetapi jua sebahagian besar rakyat di tanahair, lebih-lebih lagi jika perbuatan mereka itu melibatkan warganegara asing yang pendirian mereka tidak sesuai dengan dasar, prinsip mahupun keadaan dihadapi oleh Kerajaan dan rakyat Malaysia di tanahair.

Kepada segelintir rakyat Malaysia yang terus memburuk-burukkan imej negara kita di luar negeri Kerajaan

ingin mengingatkan iaitu mereka hendaklah mengubah dan menyesuaikan sikap sebagai warganegara Malaysia yang cintakan tanahair dan bersedia menjaga imej dan maruah negara mereka sendiri di luar negeri. Jika mereka ingin mengecam dan membetulkan kelemahan-kelemahan yang ada pada Kerajaan sebaik-sebaik tempat untuk berbuat demikian ialah di tanahair mereka sendiri atau melalui saluran tertentu seperti di Parlimen dan wakil-wakil rakyat.

Untuk mencegah pelajar-pelajar Malaysia lainnya daripada dipengaruhi oleh hard-core tersebut maka Kerajaan, melalui perwakilan-perwakilannya di luar negeri, mengeluarkan dari masa ke semasa bahan-bahan penerangan kepada para pelajar menjelaskan hal yang sebenarnya mengenai sesuatu isu yang dibangkitkan. Pemimpin-pemimpin Kerajaan, ketika melawat ke luar negeri, juga mengambil peluang untuk berdialog dengan pelajar-pelajar Malaysia. Begitu juga pegawai-pegawai Malaysia ketika berada di luar negeri akan memberi nasihat serta penerangan yang diperlukan oleh pelajar-pelajar kita supaya mereka memahami dengan lebih jelas sesuatu perkembangan yang berlaku di tanahair. Selain daripada itu para pelajar kita khasnya dan rakyat Malaysia amnya dibekalkan jua dengan berbagai jenis bahan bacaan dan penerangan seperti akhbar Malaysia, Malaysian Digest, akhbar-akhbar harian Malaysia dan lain-lain lagi yang sememangnya bertujuan menyampaikan kepada mereka berita-berita semasa supaya mereka dapat mengikuti perkembangan-perkembangan yang berlaku di tanahair.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang Dipertua, saya hendak membuat soalan tambahan begini. Adakah Kerajaan sedar bahawa penuntut-penuntut di

luar negeri itu, terutama di London atau di United Kingdom sahaja yang begitu kuat membuat belasan kepada Kerajaan dibandingkan dengan penuntut-penuntut di Amerika atau di Australia.

Adakah Kerajaan bercadang supaya penuntut-penuntut Malaysia mestilah memasuki pertubuhan yang berdasarkan penuntut Malaysia sahaja sebab di London sekarang ini ada mempunyai persatuan daripada penuntut-penuntut Singapura dan Malaysia. Dari persatuan itulah yang menentang dan memberi gambaran yang tidak nyata kepada dunia tentang hal kita. Selagi kita tidak boleh sekat ini perkara ini tidak akan boleh diatasi.

Adakah Kerajaan bercadang menyekat supaya dasingkan bahawa tiap-tiap penuntut Malaysia tidak akan boleh masuk dalam sebarang persatuan penuntut-penuntut negara lain atau negara jiran lain seperti Singapura dan sebagainya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan pertama Kerajaan sedar, sebab itu saya terangkan siang-siang tadi bahawa ada segelintir rakyat Malaysia yang terlibat dengan masalah ini.

Soalan yang kedua, saya rasa adalah menjadi tugas kita bersama pada masa kita membuat lawatan ke luar negeri, England umpamanya, memberi nasihat kepada pelajar-pelajar supaya mereka tidak terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang tidak diinginkan ini. Jadi, kita tidak payah, saya rasa pada hemat saya memberi satu arahan menyatakan: "awak tidak boleh itu, tidak boleh ini." Ini akan menyekat kebebasan tiap-tiap seorang sebagai individu. Saya rasa elok kita sebagai Wakil Rakyat dan kita daripada Kerajaan mestilah melakukan apa sahaja yang cintakan negara ini, semasa berada di England atau di mana-mana sahaja ambillah peluang

yang baik, memberi penerangan kepada mereka supaya mereka cintakan tanahair, tersemat semangat nasionalisma mereka terus-menerus supaya apabila mereka kembali kelak dapatlah mereka bersama-sama berjuang dengan kita.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:

Tuan Yang Dipertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Tadi jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun begitu jelas. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ini ada segelintir sahaja, saya ingin bertanya dengan segelintir ini adakah dapat pihak Kementerian mengesan nama-nama siapakah mereka itu yang dikatakan segelintir tadi, yang pertama.

Yang kedua, adakah pihak Kementerian sudah menghantar ataupun belum pegawai-pegawai khas, khususnya ahli-ahli politik rasa saya yang lebih baik pergi bertugas di luar negeri bagi menerangkan dasar-dasar Kerajaan kita dan sebagainya buat masa ini ataupun masa akan datang.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

Tuan Yang Dipertua, saya rasa berhubung dengan soal pegawai khas sebenar sekali kita sudah ada pegawai-pegawai di peringkat kedutaan kita dan juga kalau di London itu pegawai hal ehwal pelajar kita. Jadi mereka ini sebenar sekali telah pun menjalankan tugasnya dengan begitu baik tetapi dalam persoalan yang begini besar bukan senang kita hendak menyelesaikannya. Ini soalan yang mana tiap-tiap seorang sebagaimana saya kata tadi perlu memainkan peranan masing-masing, walau kita hantar 10 pegawai khas sekalipun kalaulah kita tidak bersama-sama menjalankan tugas itu, kita tidak akan berjaya.

Dalam soal kedua, sukalah saya menyatakan berhubung dengan langkah-langkah yang kita ambil pada hari ini Kementerian Luar Negeri

akan memulakan menghantar akhbar-akhbar tempatan kita terus kepada kedutaan untuk dihantar ataupun dikiriskan kepada pusat-pusat pelajar dengan harapan supaya apakala mereka menerima akhbar-akhbar kita mereka dapatlah sedikit sebanyak gambaran yang sebenar dan dapat pula mereka mengubah sikap mereka di sana.

Timbalan Yang Dipertua: Soalan yang pertama tadi adakah Kerajaan tahu orang-orang yang anti-Kerajaan, itu tak dijawab.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, bila dikatakan segelintir itu faham sendirilah.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah tidak hadir).

PAMPASAN KEPADA TUAN PUNYA TANAH

8. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada pampasan telah dibayar kepada tuan-tuan punya tanah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Jika belum apakah masalah yang dihadapi dan bilakah pampasan itu boleh dibayar.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya pada masa ini sedang mengambil tindakan untuk membayar pampasan kepada pemilik-pemilik tanah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi projek pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Setakat ini Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Selangor telah mengemukakan Borang G bagi tanah seluas kira-kira 3.2 hektar dengan

pampasan berjumlah \$402,275.55. Jumlah pampasan ini akan selesai dibayar tidak lama lagi.

Sementara itu satu perbincaraan bagi pengambilan balik tanah seluas 0.4 hektar telah pun diadakan pada 27hb Disember, 1982 yang lalu. Kementerian saya akan mengambil tindakan untuk membayar pampasan tersebut sebaik sahaja Borang G diterima.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, seramai 244 keluarga yang menduduki tanah Jabatan Penerbangan Awam telah dipindahkan dari kawasan tersebut yang akan digunakan untuk membina kompleks kargo yang baru. Dari jumlah itu sebanyak 158 keluarga telah diberi rumah-rumah di Kampung Melayu Subang dan bakinya telah diberi saguhati sebanyak \$1,000 sekeluarga untuk berpindah ke tempat lain. Semua setinggan-setinggan tersebut telah berpindah pada bulan Jun 1982 yang lalu.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya suka hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya begini, bukan sahaja di lapangan terbang yang disebut dalam soalan ini kita mengalami tetapi banyak tempat-tempat lain lagi tanah rakyat yang Kerajaan ambil kerana tujuan-tujuan pembangunan. Satu contohnya jambatan di Pulau Pinang, di bahagian Seberang Perai sebahagian besar hak bumiputera akan diambil oleh Kerajaan kerana pembinaan jalan. Rakyat sentiasa suka kepada kemajuan tetapi nilai tanah yang dibayar oleh Kerajaan itu sangat menyulitkan, sedikit sangat, seekar \$6,000 sedangkan di Pulau Pinang tanah itu boleh dikatakan satu ekar sudah kira kaki—\$80.00-\$100.00 sekaki persegi tetapi Kerajaan bayar \$6,000 sahaja seekar, misalannya. Bolehkah Kerajaan bercadang

menimbangkan supaya pembayaran itu kalau tidak sekalipun sama dengan yang boleh dibeli oleh swasta atau perseorangan, sekurang-kurangnya tiga suku pembayaran dilakukan. Jadi bolehlah ganti, timbang terima beli di tempat lain untuk membeli rumah dan sebagainya. Jadi kata orang Pulau Pinang umpamanya jambatan yang dibuat ini bukan menguntungkan bumiputra, bumiputra kena keluar lagi, itu misalnya, Tuan Yang Dipertua. Bolehkah Kerajaan bercadang menimbangkan semula demi kepentingan rakyat kita, Kerajaan yang aman dan makmur ini bagi faedah rakyat kita.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, soal ini patut ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Namun demikian, suka saya menyatakan bahawa bagi tiap-tiap pengambilan tanah itu sebelum apa-apa pampasan diberi maka ianya dinilai dengan telitinya oleh Jabatan Penaksiran di bawah Kementerian Kewangan. Apabila penaksiran dibuat oleh Jabatan yang berkenaan, maka beberapa aspek tertentu diambil kira termasuklah potensi bagi tanah itu membangun di masa-masa yang akan datang dan di samping itu juga harga pasaran yang sedia ada disebabkan jual beli di sekitar tanah yang berkenaan. Apabila faktor-faktor ini telah diambil kira maka saya percaya bahawa pampasan yang diberikan oleh Kerajaan kepada pemilik tanah yang berkenaan adalah mengikut harga yang boleh dikatakan memuaskan berdasarkan kepada harga pasaran dan juga faktor-faktor lain yang saya katakan tadi.

BANTUAN "PER CAPITA GRANT" KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH

9. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah sekolah yang belum lagi mendapat bantuan "Per Capita Grant" (PCG) bagi suku tahun keempat 1982 di negara ini. Bilakah pembayaran akan dibuat kepada sekolah-sekolah ini dan apakah sebab-sebabnya bantuan ini tidak diberikan kepada sekolah-sekolah.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum Kerajaan kita sekarang menjalankan dasar jimat cermat. Kerajaan bukan sahaja mengurangkan perbelanjaan tahun 1982 tetapi juga pada tahun 1983 ini semua Jabatan Kerajaan terpaksa mengurangkan perbelanjaan dan ini termasuklah Kementerian Pelajaran sendiri. Oleh itu, bantuan suku tahun keempat 1982 ini dibatalkan kerana kekurangan wang, cuma bayaran dibuat kepada sekolah-sekolah kecil sahaja, iaitu sekolah yang mempunyai bilangan murid 250 ke bawah.

SUBSIDI BAJA PADI

10. Tuan Haji Latip bin Haji Dris minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah Perbelanjaan bantuan subsidi baja kepada penanam padi kepada tiap-tiap buah Kerajaan Negeri sejak tahun 1980 dan 1981.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang Dipertua, perbelanjaan Bantuan Subsidi baja padi kepada tiap-tiap buah Kerajaan Negeri bagi tahun 1980 dan 1981 adalah seperti berikut:

	<i>Negeri</i>	<i>Tahun 1980</i>	<i>Tahun 1981</i>
1.	Perlis	\$ 6,382,177	\$ 8,487,489
2.	Kedah	48,547,656	59,412,429
3.	Pulau Pinang	1,665,130	3,485,672

4. Perak	14,356,860	13,651,184
5. Selangor	5,252,932	6,197,219
6. Negeri Sembilan	4,221,424	735,091
7. Melaka	1,824,000	1,434,022
8. Johor	725,000	486,702
9. Pahang	1,770,370	1,603,751
10. Terengganu	6,654,252	3,723,308
11. Kelantan	7,703,640	19,621,592

Dengan itu perbelanjaan Kerajaan Pusat bagi bantuan subsidi Baja Padi adalah berjumlah \$99,103,441 pada tahun 1980 dan \$118,236,459 pada tahun 1981.

Dukacita dinyatakan di sini saya tidak dapat memberi angka anggaran bantuan baja seperti yang diberikan kepada negeri-negeri di Semenanjung kepada kedua-dua Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak oleh kerana kedua-dua Kerajaan Negeri tersebut ada mempunyai rancangan untuk membelanjakan bantuan subsidi mereka masing-masing.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pemberian subsidi baja kepada petani-petani itu tidak mengikut situasi yang sepatutnya. Kadang-kadang selepas petani-petani menanam padi baru baja itu sampai. Adakah Kementerian sedar akan masalah ini?

Yang kedua, setakat manakah Kementerian membuat kajian berkenaan dengan dakwaan petani-petani yang menyatakan sebahagian besar daripada baja-baja subsidi yang diberi oleh pihak Kementerian Pertanian itu adalah campuran bahan kimia yang berlebihan yang menyebabkan padi-padi banyak yang musnah?

Dan yang ketiga soalan saya ialah adakah juga Kementerian Pertanian bercadang selain daripada memberi

subsidi baja kepada petani-petani, adakah juga Kementerian Pertanian bercadang untuk memberi subsidi racun serangga kepada petani-petani yang mana rungutan petani-petani telah pun lama menyarankan berkenaan dengan bantuan subsidi racun serangga kepada petani-petani?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, pihak Kementerian tidak sedar dengan pertanyaan yang pertama itu dan mengenai pertanyaan kedua Yang Berhormat itu yang menyatakan oleh kerana salah campuran kimia dalam baja-baja yang diberi kepada pihak petani itu, itu adalah perkataan omong kosong belaka oleh kerana daripada pihak Kementerian telah membuat penyelidikan yang teliti dan didapati alegasi (allegation) yang berterusan ini adalah semata-mata omong kosong sahaja.

Mengenai pertanyaan yang ketiga Yang Berhormat itu, dalam anggapan pihak Kementerian Pertanian, pada masa ini subsidi yang dilancarkan oleh pihak Kerajaan ini adalah sesuai dan berpatutan untuk kepentingan para petani-petani kita.

Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan memandangkan keadaan negara kita menghadapi kemelesetan bagi tahun 1983 ini adakah subsidi

baja padi ini akan diteruskan pemberiannya kepada seluruh petani-petani dalam negara kita ataupun sebaliknya akan dipotong?

Tuan Luhah Wan: Minta maaf, cuba ulangkan soalan itu sekali lagi.

Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman: Memandangkan keadaan negara kita menghadapi kemelesetan ekonomi bahawa pada tahun 1983 ini adakah Kementerian Pertanian akan meneruskan memberi subsidi baja padi kepada seluruh petani-petani dalam negara kita sebagaimana yang dibuat pada tahun-tahun yang sudah ataupun sebaliknya akan dipotong?

Tuan Luhah Wan: Akan diteruskan sebagaimana yang sedia ada.

SEKOLAH—MENUMBUKARKAN ALIRAN PETANG KE PAGI

11. Tuan M. K. Muthusamy minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk menukarkan sekolah-sekolah aliran petang ke aliran pagi seluruhnya, seperti yang dicadangkan dalam laporan Jawatankuasa Kabinet.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, adalah benar bahawa Kerajaan bercadang untuk menukarkan sekolah-sekolah aliran petang ke aliran pagi seluruhnya seperti yang diperakukan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet. Walau bagaimanapun pelaksanaannya bergantung kepada faktor penting seperti mendapatkan tapak-tapak untuk pembinaan sekolah-sekolah baru di kawasan-kawasan yang dirancang serta kemajuan pembinaan bilik-bilik darjah tambahan di sekolah-sekolah yang ada. Bagi negeri-negeri yang sudah mempunyai kemudahan-kemudahan fizikal yang cukup, Jabatan Pelajaran Negeri itu

telah mengadakan persekolahan di aliran pagi seluruhnya. Umpamanya, semua sekolah kebangsaan dan sekolah rendah kebangsaan Tamil di Melaka telah mengadakan persekolahan pagi sahaja. Begitu juga halnya dengan usaha mengurangkan bilangan sekolah-sekolah menjalankan pengajaran dua sidang pagi dan petang. Untuk menjalankan sekolah satu sidang sahaja perlulah Kementerian Pelajaran membina lebih banyak lagi bilik-bilik darjah dan sekolah-sekolah baru. Ini bergantung kepada peruntukan kewangan Kementerian Pelajaran dan kemampuan pembinaan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang bagi menimbangkan ataupun menepati kehendak-kehendak Jawatankuasa Kabinet yang diambil daripada Laporan Razak supaya mengadakan Institut Language khusus bagi bahasa France, bahasa Jepun, bahasa Korea, bahasa Arab, khusus bahasa-bahasa itu. Tidak seperti sekarang ini ada institusi yang hendak dibuka begitu begini. Adakah Kerajaan bercadang membuat seberapa segera yang boleh kerana kita sangat perlu ilmu pengetahuan yang tersebut terutama dalam masa kita mengadakan "Dasar Pandang ke Timur" bahawa rakyat kita pergi ke Jepun mestilah mempunyai pengetahuan bahasa Jepun yang baik atau bahasa Korea yang baik, atau bahasa France yang baik supaya ianya meliputi kehendak-kehendak kita dan tujuan-tujuan Kerajaan kita sendiri.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, yang sebenarnya soalan itu lari sedikit daripada soalan asal. Walau bagaimanapun saya ingin menyatakan bahawa memang Kementerian sedang mengadakan institut bahasanya sendiri.

BANGUNAN HOSPITAL DAERAH BATU GAJAH

12. Dato' Chin Kim Yoong minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bangunan-bangunan Hospital Daerah Batu Gajah sudah terlalu lama dan di dalam keadaan yang mendukacitakan; jika sedar sama ada Kementerian beliau akan mendirikan hospital daerah yang baru dan jika ya bilakah ia akan dilaksanakan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, Kementerian Kesihatan sedar bahawa beberapa bangunan di Hospital Daerah Batu Gajah adalah bangunan lama dan kurang memuaskan sekarang.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, beberapa projek telah diluluskan untuk membaiki, mengganti dan menambah kemudahan yang sedia ada di hospital itu. Di antaranya ialah projek-projek berikut:

- (i) Sambungan kepada Dewan Bersalin.
- (ii) Jabatan Pesakit Luar baru.
- (iii) Dobi baru.
- (iv) Sistem PABX Telefon baru.
- (v) Kantin baru.
- (vi) Rumah Mayat.
- (vii) Stor Perubatan.

Buat masa ini Kementerian tidak bercadang untuk mendirikan sebuah hospital daerah bagi kawasan Batu Gajah.

AKTA PERANCANG BANDAR DAN DESA 1975—PERLAKSANAAN

13. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sebab-sebab yang menghalang pelaksanaan Akta Perancang Bandar dan Desa 1975.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Yang Berhormat, semua Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun memakai Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 kecuali negeri-negeri Pulau Pinang dan Pahang. Walau bagaimanapun kedua-dua negeri ini sedang mengambil langkah untuk memakai Akta tersebut.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan. Apakah sebabnya Kerajaan Negeri Pahang dan Pulau Pinang begitu leceh, cicir daripada negeri lain, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan? Tiada kerjasamakah, tidak mahu menerimakah, atau Kerajaan Pusat tidak sedia membantukah Kerajaan Negeri-negeri atau ada sebab-sebab lain.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, Akta ini telah pun dikeluarkan dalam tahun 1976 dan negeri-negeri yang mula menggunakannya bermula pada tahun 1979. Kerajaan Pusat tidak memaksa satu-satu negeri itu untuk menggunakan atau memakai Akta ini dengan serta-merta tetapi memberi kebebasan untuk memikir dengan panjang lebar sama ada memberi keuntungan atau tidak kepada negeri itu, sama ada negeri itu berkemampuan atau tidak. Sebabnya saya ingin membaca Bahagian 1 dalam Akta ini, perenggan 1 (3), dan dengan izin Tuan Yang Dipertua:

“The State authority may bring this Act into operation in any manner the State authority thinks most advantageous, convenient, expedient or practicable, whether by appointing different dates for different provisions of this Act, by appointing different local authority areas or parts thereof, by bringing a provision into operation generally in the State and at the same time declaring that for or until such time as may be specified, the provision

shall or shall not apply to, or in relation to a local planning authority or the area or any part of the area of a local planning authority, to such extent only as may be specified or in any other manner”.

Dengan itu, Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Pusat jelas memberi kebebasan untuk negeri-negeri ini untuk berfikir sendiri.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri. Iksan itu sebagai salah satu daripada sifat yang mulia. Tetapi bila undang-undang kita keluarkan hendaklah ia dijalankan dengan serta-merta. Walaupun Akta kita tidak paksa tetapi mesti buat atau dilakukan. Tengok sekurang-kurangnya satu bandar. Pulau Pinang yang begitu kaya tidak boleh buat satu, Pahang begitu luas tidak bolehkah buat satu. Sehingga sampai sekarang baru buat. Itu satu kelemahan Kerajaan, lebih-lebih lagi maknanya undang-undang ini dibuat dalam tahun 1976. 1967 Bahasa Melayu jadi bahasa rasmi, bahasa Akta ibu. Yang Berhormat bercakap minta izin, itu tidak mengapalah. Ini pun satu kelemahan. Bolehkah kelemahan itu dibetulkan?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, insya Allah kami akan perbetulkan.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan D. P. Vijandran.

Dato' Chin Kim Yoong: Tuan Yang Dipertua, soalan No. 14.

PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN

14. Dato' Chin Kim Yoong (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) bilangan pemohon-pemohon untuk kewarganegaraan

Malaysia sejak 1948 sehingga hujung tahun 1981 daripada mereka yang dilahirkan di Malaysia;

- (b) bilangan permohonan ini yang telah diluluskan dan ditolak;
- (c) sebab-sebab pada amnya permohonan ini ditolak; dan
- (d) sama ada benar bahawa permohonan daripada mereka yang telah melakukan apa-apa jenayah, walaupun kecil akan ditolak sama sekali.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:
Tuan Yang Dipertua,

(a) Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu, saya mengasaskan tarikh perkiraan permohonan untuk kewarganegaraan bagi mereka yang lahir di Malaysia pada 31hb Ogos, 1957 iaitu tarikh kemerdekaan negara ini. Selaras dengan ini bilangan permohonan kewarganegaraan mereka yang lahir di negara ini yang dipohon di bawah Perkara 16 Perlembagaan sejak 31hb Ogos, 1957 sehingga 31hb Disember, 1981 ialah 590,301.

(b) Bilangan mereka yang:

- (i) Berjaya .. 585,241
- (ii) Tidak berjaya 5,060

(c) Sebab-sebab permohonan mereka tidak berjaya adalah kerana mereka tidak mempunyai kelayakan seperti yang disyaratkan di dalam Perlembagaan.

(d) Perlembagaan menetapkan bahawa salah satu syarat untuk melayakkan seseorang menjadi Warganegara ialah berkelakuan baik. Ini bermakna seseorang yang melakukan kesalahan jenayah atau melibatkan dalam kes keselamatan adalah

melanggar syarat-syarat ini. Namun demikian Kementerian saya mempunyai dasar tertentu bagi menimbang permohonan daripada pemohon yang melakukan kesalahan jenayah mengikut jenis dan bentuk hukuman yang dikenakan. Ini bermakna bahawa setiap pemohon yang melakukan kesalahan jenayah atau kes keselamatan akan disemak dengan dasar yang telah ditetapkan oleh Kementerian sebelum sebarang keputusan dibuat.

Dato' Loo Swee Mok: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Menurut penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu angka pemohon-pemohon kewarganegaraan Malaysia masih begitu banyak lagi belum mendapat kelulusan. Maka saya ingin bertanya pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau mengarahkan pegawainya supaya mempercepatkan proses permohonan kewarganegaraan Malaysia apabila permohonan mereka telah diproses dengan teliti dan rapi dan telah dipastikan mereka layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan di-anugerahkan kewarganegaraan Malaysia. Kerajaan haruslah meluluskan permohonan mereka dengan seberapa cepat kerana setengah-setengah mereka dilahirkan di tanahair kita dan bersama-sama dengan rakyat Malaysia untuk membina satu negara yang makmur dan maju. Tetapi

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, tolong beritahu apakah soalan tambahan. Saya tidak hendak sara, saya hendakkan soalan.

Dato' Loo Swee Mok: Adakah beliau telah mengarahkan pegawainya supaya mempercepatkan memproses permohonan kewarganegaraan?

Timbalan Yang Dipertua: Cukup.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, pendek kata kita melaksanakan lebih daripada apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat itu.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Alexander Lee.

Dato' Yap Peng: Tuan Yang Dipertua, soalan No. 15.

PINJAMAN LUAR NEGERI

15. Dato' Yap Peng (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada terdapat had maksima bagi Kerajaan untuk meminjam dari sumber-sumber asing.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, pada masa ini had maksima pinjaman luar negeri ialah \$20,000 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya had maksima bagi Kerajaan untuk meminjam dari sumber-sumber asing adalah ditetapkan dari semasa ke semasa oleh D. Y. M. M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut peruntukan Subseksyen (3), Seksyen 2, Akta Pinjaman Luar Negeri, 1963.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Itu adalah undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan untuk menghad Kumpulan. Selalunya, Tuan Yang Dipertua, bila pinjaman dibuat daripada luar negeri dikira dengan cara nisbah perkhidmatan hutang (*debt servicing ratio*) di negara-negara yang kurang maju selalunya meningkat peratusnya tidak lebih daripada 20% daripada hasil eksport.

Pertanyaan saya, Tuan Yang Dipertua, adakah Kerajaan satu nisbah yang dikatakan tidak lebih daripada 20%, 15%, 10% daripada hasil eksport tahunan dan yang kedua, selalunya nisbah ini tidak betul jika

kita hendak kaji dengan secara baiknya kedudukan hutang negara. Negara-negara maju sekarang sudah menggunakan satu perkataan "P.S.B.R." (Public Sector Borrowing Requirement) berkehendakkan peminjaman untuk sektor awam. Negara-negara maju menggunakan 5% daripada GDP ataupun Pengeluaran Kasar Negara tidak lebih daripada 5% setahun daripada GDP untuk meminjam sama ada daripada luar negeri ataupun dalam negeri dan negeri-negeri yang kurang maju meningkatkan hingga 7% sampai kepada 10%. Saya juga hendak bertanya perkara dua ini sama ada Kerajaan dengan cara tutup mata hendak pinjam wang pinjamlah sebanyak-banyak mana tidak menggunakan nisbah ini ataupun ada nisbah ini sebagai garis panduan.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, saya berterima kasih atas pandangan Yang Berhormat tetapi pada pandangan saya ini luar daripada soalan asal. Yang ditanya mengatakan sama ada terdapat had maksima. Had maksima saya sudah beri yakni \$20,000 juta, itu yang dipersoalkan. Walau bagaimanapun, kalau hendak tahu dengan lebih lanjut bolehlah saya beritahu sedikit iaitu pada masa ini dengan izin, Tuan Yang Dipertua, debt servicing ratio kita ialah lebih kurang 3.9%.

TANAH TERBIAR

16. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah keluasan tanah terbiar di seluruh negara dan apakah tindakan yang sedang diambil.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, keluasan tanah terbiar yang dikenalpasti di seluruh Semenanjung Malaysia adalah berjumlah kira-kira 161,582 hektar tanah sawah dan sebanyak 41,903 hektar bagi tanah bukan sawah.

Kerajaan akan memulihkan semua tanah-tanah terbiar yang mempunyai potensi untuk dibangunkan dengan rancangan pertanian yang menguntungkan. Pemulihan tanah-tanah sawah akan diusahakan oleh Kementerian Pertanian melalui Jabatan dan agensinya dengan kerjasama Kerajaan Negeri berkenaan. Tanah-tanah terbiar bukan sawah akan diusahakan oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Program Pemulihan ini telah pun dimulakan semenjak akhir tahun 1981 dahulu.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang Dipertua, sebelum saya mengemukakan pertanyaan tambahan saya mintalah Timbalan Menteri Pertanian itu menggunakan bahasa yang agak lebih baik sedikit kerana tadi beliau mendakwa petani tadi mengadakan baja dicampur dengan bahan kimia yang berlebihan-lebihan. Maka jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan itu adalah menggunakan perkataan "omong kosong"

Timbalan Yang Dipertua: Sudah habis soalan ini

Tuan Fadzil bin Mahmood: Ya, patutlah digunakan perkataan tidak benar ataupun tidak tepat. Soalan saya yang berikutnya ialah apakah sebab-sebab yang menyebabkan petani-petani ini meninggalkan tanah ini hingga tanah itu menjadi tanah terbiar dan adakah betul yang petani-petani itu telah tertarik dengan bekerja di kilang daripada mengusahakan tanaman padi.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, perkataan "omong kosong" itu sungguhpun saya ini bukan orang Melayu yang fasih dalam bahasa, dalam pengetahuan saya "omong kosong" adalah tidak benar, bohong belaka, itu maksud saya (*Ketawa*). Betulkah itu atau tidak? Omong kosong itu tidak benar, betul bukan?

Timbalan Yang Dipertua: Tidak usah tanya dia. Saya ingat kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab, jawab sahaja. Saya tidak ada di dalam soal-jawab ini hendak jadikan perbincangan. Jadi minta jawab soalan berkenaan.

Tuan Luhut Wan: Saya minta diulang sekali lagi pertanyaan tadi (*Ketawa*).

Timbalan Yang Dipertua: Sila ulang balik soalan kedua.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Soalan yang kedua itu sudah lupa. (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua, soalan pertama, apakah sebab-sebabnya yang petani-petani itu meninggalkan tanah bendang itu yang menyebabkan tanah bendang itu menjadi tanah terbiar. Adakah benar sebab-sebab yang utama yang menyebabkan petani-petani itu meninggalkan tanah bendang mereka itu kerana tertarik dengan bekerja di kilang-kilang.

Tuan Luhut Wan: Benar (*Ketawa*).

GURU-GURU SEKOLAH RENDAH—LAWATAN SAMBIL BELAJAR KELUAR NEGERI

17. Tuan Ibrahim bin Salleh minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian bercadang memberi peluang lawatan sambil belajar keluar negeri kepada guru-guru sekolah rendah.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, pada masa sekarang Kementerian Pelajaran tiada membuat sebarang peruntukan bagi mengadakan rancangan lawatan sambil belajar keluar negeri untuk guru-guru sekolah rendah. Bagaimanapun Kementerian ada menghantar guru-guru sekolah rendah ke luar negeri untuk mengikuti latihan dalam bidang-bidang tertentu seperti pelajaran pemulihan, pengajaran

bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, pengajaran kanak-kanak cacat dan sebagainya.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan ke 18.

BUKU KHAS MENGENAI DASAR PANDANG KE TIMUR

18. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan dasar mengikut pandang ke timur sama ada beliau telah membuat sebuah buku khas seperti rukun negara untuk disebarkan ke seluruh negara supaya boleh dibaca oleh murid-murid dan pelajar-pelajar kita dari sekolah rendah hingga ke peringkat universiti dan jika belum sama ada beliau akan mengadakannya dengan secepat mungkin.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan belum lagi bercadang hendak mengeluarkan buku khas mengenai Dasar Pandang ke Timur untuk disebarkan kepada murid-murid sekolah.

KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA

19. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan negara-negara Komanwel telah mengiktiraf Kerajaan Kampuchea sama ada Kerajaan berhasrat untuk memberi bantuan ketenteraan kepada negara Kampuchea; dan apakah implikasi yang diperolehi dari bantuan dan sokongan yang akan diberikan itu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengulangi apa yang telah

diperkatakan di Dewan ini dan juga Dewan Rakyat iaitu apa yang diharapkan dan diusahakan ialah untuk mencari penyelesaian secara politik terhadap masalah Kampuchea. Kerajaan tidak bercadang memberi bantuan ketenteraan kepada Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea.

Dato' Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Di antara negara-negara Komanwel yang menjadi anggotanya adalah salah satu daripada negara itu adalah seperti duri dalam daging iaitu India. Kenapakah negeri ini tidak mengiktiraf Kerajaan Kampuchea, sebaliknya masih terus menyokong Kerajaan Boneka Heng Samrin. Adakah Kerajaan kita Malaysia mencadangkan di dalam persidangan Komanwel yang akan datang singkirkan sahaja India daripada menjadi anggota dalam Komanwel? *(Ketawa).*

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, pertama sekali kita tidak boleh campur tangan mengenai hal ehwal dalam negeri negara lain, kerana itu adalah pilihan negara India sendiri walau siapa dia hendak sokong atau siapa dia hendak terima sebagai sahabatnya. Jadi, kita tidak bolehlah bertindak lebih daripada jangka yang patut kita bertindak.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang Dipertua, oleh kerana Kerajaan Kampuchea yang dipimpin oleh Putra Norodom Sihanouk, Kerajaan yang diambil peranan yang besar sekali oleh Kerajaan Malaysia—oleh kita sendiri dan telah menjadi ada kenyataan. Sekarang tidak diiktiraf oleh satu daripada sahabat Komanwel kita India, adakah Kerajaan kita bercadang hendak memulaukan Persidangan Negara-negara Berkecuali itu? Sebab nampaknya tidak berkecuali, sudah memihak. Jadi oleh kerana dia memihak kepada satu

pihak, adalah Kerajaan kita bercadang pulaukan terus persidangan berkecuali itu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, pada hemat saya tidak ada faedah kita memulau, lebih baik kita menghadiri dengan mesyuarat seumpama itu moga-moga dengan kehadiran kita di persidangan itu, dapatlah kita menyuarakan kehendak dan hasrat kita serta hasrat ASEAN juga hasrat penduduk-penduduk Kampuchea sendiri.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 adalah diberi di bawah ini).

BANGSA-BANGSA BERSATU— KUASA VETO

7. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kuasa veto kuasa-kuasa besar di Bangsa-bangsa Bersatu selalu disalahgunakan dan sama ada kuasa ini sejajar dengan amalan demokrasi dan apakah tindakan beliau akan ambil untuk mendapatkan kerjasama negara-negara kecil di rantau dunia untuk menentang kuasa VETO negara-negara besar ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, saya memang sedar tentang masalah kuasa veto yang ada pada lima anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang kerap kali disalahgunakan untuk menjaga kepentingan mereka semata-mata dan bukan mengikut kepentingan mesyuarat antarabangsa yang kebanyakannya terdiri dari negara-negara kecil di dunia. Kuasa veto yang ada pada kelima-lima anggota tetap Majlis Keselamatan P.B.B. itu memang tidak sejajar dengan amalan demokrasi. Tetapi kuasa veto ini sedia wujud di dalam Piagam P.B.B. dan tidak dapat diubah pinda begitu sahaja

tanpa merombak seluruh Piagam P.B.B. serta cara bentuk Organisasi itu seperti yang ada sekarang.

Malaysia dan negara-negara kecil yang lain memang tidak puas hati dengan penyalahgunaan kuasa veto oleh kelima-lima anggota tetap Majlis Keselamatan P.B.B. itu. Malah telah berkali-kali diingatkan kepada negara-negara yang mempunyai kuasa veto itu supaya memainkan peranan yang lebih bertanggungjawab dan membina serta berpegang teguh kepada prinsip-prinsip P.B.B. untuk mengembalikan keyakinan masyarakat dunia kepada Organisasi tersebut supaya ianya dapat terus mempertahankan keamanan dan keselamatan dunia. Di samping itu, memang ada sebuah jawatankuasa khas di P.B.B. yang sedang mengkaji semula Piagam P.B.B. termasuklah kuasa veto untuk menjadikan piagam tersebut lebih selaras dengan keperluan-keperluan dunia hari ini, khususnya pergolakan politik dan ekonomi dunia yang sangat membimbangkan, supaya Organisasi tersebut dapat diperkuatkan. Negara-negara kecil termasuk Malaysia yang mempunyai suara terbesar di dalam P.B.B. akan terus mengingatkan kelima-lima anggota tetap tersebut supaya lebih bersikap bertanggungjawab dalam setiap perbuatan dan tindakan mereka serta jujur dalam mematuhi prinsip-prinsip Piagam P.B.B.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dalam ucapannya di Perhimpunan Agung P.B.B. baru-baru ini, telah meminta kuasa-kuasa besar supaya menukar sikap dan dasar mereka yang negatif terhadap P.B.B. dan memberikan nafas baru kepada Pertubuhan dunia itu dengan cara mematuhi Piagam P.B.B. dan melaksanakan keputusan-keputusan yang telah diambil oleh Pertubuhan tersebut. Kita akan terus berbuat demikian selagi kuasa veto ini disalahgunakan oleh kelima-lima

anggota tetap Majlis Keselamatan P.B.B. untuk kepentingan mereka sahaja.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK ISLAM

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (4hb Januari, 1983).

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-
pergunakan Jawatankuasa*)

Perbahasan disambung semula.

Fasal 1 hingga 30—

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat.

3.34 ptg.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Pengerusi, semalam saya sedang mengkaji Fasal 24 (1) (c) berkaitan dengan Undang-undang Bank Islam 1982. Bahawa Fasal 24 (1) (c) ini adalah satu rintangan pada pendapat saya untuk Bank Islam menanam modal di dalam syarikat-syarikat yang mempunyai aktiviti-aktiviti lain daripada banking. Fasal di sini mengatakan, pendahuluan pinjaman dan kemudahan kredit boleh diberi sebanyak \$10,000 sahaja kepada syarikat Bank Islam yang berkaitan dengan Seksyen 6 Akta Syarikat 1965. Seksyen 6 mengatakan dengan izin:

"Where a corporation—

(a) is the holding company of another corporation;

- (b) is a subsidiary of another corporation; or
- (c) is a subsidiary of the holding company of another corporation, that first-mentioned corporation and that other corporation shall for the purposes of this Act be deemed to be related to each other."

Jadi bermakna dengan wujudnya Fasal 24 (1) (c) ini nampaknya Bank Islam tidak boleh mewujudkan anak-anak syarikat untuk mengambil aktiviti-aktiviti menanam modal di dalam harta-harta tetap, bangunan ataupun apa operasi lain yang akan menolong perkembangan Bank Islam. Dengan setahap \$10,000 sahaja yang boleh diberi tanpa bercagar, nampaknya Undang-undang ini tidak begitu baik menjadi satu rintangan kepada perkembangan Bank Islam. Saya berharap Menteri berkenaan memberi sedikit penjelasan kepada saya.

Tuan Pengerusi, dari situ saya ingin menyentuh Seksyen 25 (1) (a). Izinkan saya baca:

"25. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah paragraf (c) subseksyen (1) seksyen 24 dan subseksyen (2) seksyen ini, tiada sesuatu bank Islam boleh memberi pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit kepada

- (a) mana-mana daripada pengarah, pegawai atau pekerjanya atau orang-orang lain iaitu orang yang menerima saraan daripada bank Islam itu (selain daripada akauntan, peguambela dan peguamcara, arkitek, ejen estet, doktor dan mana-mana orang lain yang menerima saraan daripada bank itu berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan profesional mereka";

Tuan Pengerusi, di sini ada pertelingkahan sedikit jika kita tengok seksyen ini dan kita bandingkan dengan seksyen Akta Syarikat 1965. Seksyen 9 yang mengatakan, bahawa pinjaman tidak boleh diberi kepada akauntan bila dia acting di dalam syarikat itu memberi satu-satu kajian ataupun memberi satu nasihat sebagai audit. Ini ada disebut di dalam Seksyen 9 Companies Act ataupun Akta Syarikat 1965.

"A person shall not knowingly consent to be appointed, and shall not knowingly act, as auditor for any company and shall not prepare, for or on behalf of a company, any report required by this Act to be prepared by an approved company auditor—

(a) x x x x x x x.

- (b) if he is indebted to the company or to a corporation that is deemed to be related to that company by virtue of section 6 in an amount exceeding two thousand five hundred dollars".

Saya tengok ada dua tiga daripada seksyen kecil di sini yang bertelingkah dengan undang-undang lain mengatakan boleh, satu undang-undang kata tidak boleh. Tetapi kalau kita tengok di belakangnya, dalam Seksyen 53 ini; tetapi masanya belum sampai lagi pada Seksyen 53, izinkan saya rujuk sedikit dalam seksyen 53 ini mengatakan Undang-undang Bank Islam ini adalah melebihi jikalau ada pertelingkahan daripada satu undang-undang dengan satu undang-undang iaitu Bank Islam dengan Undang-undang Syarikat maka Undang-undang Bank Islam akan meningkat, akan diberes, jadi maknanya bolehlah. Tetapi yang saya kurang faham tidak ditukarkan di belakang ini. Di belakang undang-undang ini menyebutkan oleh kerana diwujudkan Bank Islam, undang-undang seperti Undang-undang Bank di muka 47

pemindaan berbangkit semula pindaan dibuat—Akta Bank 1973 dibuat, memasukkan kebolehan aktiviti-aktiviti Bank Islam di dalam undang-undang itu dan juga Seksyen 9 Akta Bank 1973 dipinda di dalam kertas yang dibentangkan ini. Seksyen 58 kata ada pindaan, Seksyen 4 Akta Syarikat 1965 tetapi Seksyen 9 Akta Syarikat ini perlu juga dipinda tetapi tidak dimasukkan di sini.

Dari itu, Tuan Pengerusi, saya berharap di Bahagian VIII ini bila pindaan-pindaan berbangkit, pindaan syarikat, seksyen 9 (1) ini perlu juga dipinda dan cadangan saya begini “. . . .if he is indebted to the company or to a corporation that is deemed to be related to that company by virtue of section 6 in an amount exceeding \$2,500”. Saya cadangkan sambungan “. . . .other than loans and advances from a financial institution made in the ordinary course of business under normal lending procedures, terms and requirements”. Yang saya baca ini, Tuan Pengerusi, adalah undang-undang yang dipakai oleh negara-negara lain yang mengatakan bahawa accountant dan auditor yang meminjamkan wang tidak dibenarkan meminjamkan wang daripada pelanggan-pelanggan mereka ke tahap \$2,500, tetapi bila pelanggan-pelanggan itu ialah satu institusi kewangan, perniagaannya meminjamkan wang, jadi auditor boleh diberi pinjaman juga, dia tidak dihadkan memberi pinjaman. Itulah yang saya cadangkan bahawa undang-undang kita ini patut dibereskan seperti undang-undang negara yang lain berkenaan dengan perkara yang sama. Tuan Pengerusi, saya amatlah berharap pihak-pihak yang berkenaan membetulkan perkara itu.

Juga, Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada seksyen 25 (1) (c). Seksyen 25 (1) (c) ini mengatakan bahawa pendahuluan pinjaman dan kemudahan kredit tidak dibenar diberi kepada mana-mana perbadanan dan

mana-mana daripada pegawai atau pekerja adalah seseorang pengarah, pengurus, agen atau penggerenti atau mana-mana perbadanan yang mana-mana daripada pegawai atau pekerja mempunyai apa-apa kepentingan material sebagaimana yang diputuskan oleh Bank Negara dalam syernya. Pertanyaan saya di sini, apakah makna kepentingan material? Material interest dalam bahasa Inggeris. Kalau kita katakan kita ada satu syarikat di luar dan saya pemegang saham di dalam syarikat itu dan juga saya Pengarah Bank Islam, banyak mana saham dalam syarikat itu yang patut saya pegang, had mana baru syarikat itu tidak boleh meminjam wang daripada Bank Islam. Adakah pegangan pengarah itu 1% daripada paid-up capital, 2%, 5%, 10%, 49.99% baru jadi kepentingan material (material interest)? Ini saya minta penjelasan daripada Kementerian, apa dan banyak mana peratusan (percentage) yang dikatakan kepentingan material (material interest).

Tuan Pengerusi, izinkan saya pula di dalam seksyen yang sama merujuk kepada subseksyen 25 (5). Sebagaimana maksud seksyen ini, pengarah, pegawai atau pekerja termasuk suami dan isteri, ibu atau bapa atau anak seseorang pengarah, pegawai atau pekerja. Di sini definisi famili amat kecil pada pendapat saya. Jika saya seorang Pengarah Bank Islam, saya tidak diberi pinjaman seperti peruntukan di dalam undang-undang ini selagi tidak dua pertiga daripada Lembaga Pengarah membenarkan saya meminjam wang daripada Bank Islam dan kedudukan saya itu termasuk anak saya, isteri saya, ibu saya, bapa saya, itu sahaja. Tetapi kalau saya hendak pinjam wang, saya guna cucu saya boleh, saya guna emak saudara saya boleh. Jadi, nampaknya definisi ini tidak ketat. Apa bezanya anak saya dengan cucu saya. Kalau saya sudah berumur 60

tahun, anak saya 40 tahun, cucu saya sudah 20 tahun, saya memakai nama cucu saya meminjam wang daripada Bank Islam. Di bawah undang-undang ini dibenarkan tetapi saya hendak pakai nama akan saya tidak boleh, saya hendak pakai nama bapa saya tidak boleh, emak saudara saya boleh, bapa saudara saya boleh. Peruntukan ini pada pendapat saya kurang kemas. Sama ada subseksyen ini perlu dipinda, itu saya harap dapat penjelasan daripada Menteri berkenaan.

Tuan Pengerusi, itu seksyen 25 (5). Izinkan saya pula bergerak kepada seksyen 26 (d). 26 (d) izinkan saya baca, Tuan Pengerusi:

“26. Tiada sesuatu bank Islam boleh memberi sesuatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit di bawah pengecualian yang disebutkan dalam subseksyen (4) seksyen 25—melainkan jika syarat-syarat yang berikut dipenuhi:

- (d) bahawa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit telah diluluskan dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga daripada semua pengarah lain bank itu dalam mesyuarat Lembaga penuh pengarah-pengarah yang diadakan dengan sempurna dan kelulusan itu telah direkodkan dalam minit mesyuarat tersebut”.

Tuan Pengerusi, kedudukan ini amat ketat dan amat cerewet untuk pengarah-pengarah Bank Islam mendapat sedikit sebanyak kemudahan pinjaman untuk sesuatu perkara yang penting untuk pengarah itu. Provisi ini mengatakan undi tidak kurang dua pertiga. Itu senang Tuan Pengerusi, daripada semua pengarah. Dalam mesyuarat Lembaga penuh pengarah. Ini cerewet. Bukan semua pengarah itu ada di satu tempat, di

satu masa tiap-tiap masa. Pengarah-pengarah ini bukan eksekutif, bukan pekerja, dia menumpang di sana sini, ada pekerjaan lain di negara-negara lain hendak kesemuanya sekali datang untuk meeting itu dengan tidak ada seorang pun yang tidak datang amat cerewet. Boleh jadi tiga, empat kali notis dihantar susah hendak dapat ke semua pengarah datang untuk satu masa itu dan meluluskan dengan dua pertiga daripada undi mereka untuk meluluskan sesuatu pinjaman Pengarah-pengarah Bank Islam.

Itu berkenaan dengan semua Pengarah bank, yang lain itu dalam mesyuarat lembaga penuh pengarah yang diadakan dengan sempurna bermakna ini bukan macam lembaga pengarah yang biasa, itu telefon sahaja kita hendak lembaga pengarah untuk meeting, mereka semua datang, itu boleh dijalankan di bawah Akta Syarikat 1965 tetapi di bawah undang-undang fasal 26 (d) ini “dengan sempurna”. Apakah maknanya mengadakan mesyuarat pengarah dengan sempurna? Adakah dengan menghantar notis 15 hari sebelum meeting, menentukan tempatnya ataupun tujuh hari ataupun tiga hari dengan sempurna di bawah undang-undang yang tiada definisi, apakah “sempurna” itu. Tidak macam di dalam Undang-undang Syarikat yang mengatakan kalau ada Annual General Meeting, Mesyuarat Tahunan—15 hari notis, Extraordinary General Meeting—21 hari notis, tetapi di dalam Undang-undang di sini tak ada, di dalam syarikat pun (company) tidak ada definisi mengatakan macam mana peraturan yang penuh, peraturan yang sempurna, apa ini maknanya. Jadi kalau tak ada definisi seorang daripada Pengarah mengatakan ini tak sempurna apa jadi kedudukan resolusi Lembaga Pengarah pada masa itu? Questionable? Boleh dibawa untuk didakwa. Jadi pada pendapat saya perkara ini patut diperbetulkan.

Jadi, itu sahaja pandangan saya dalam fasal-fasal untuk dibahaskan daripada Fasal 1 sampai Fasal 30 dan saya perlu perkara ini diterangkan, dijelaskan, dikaji dan dibahaskan sekarang oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

3.51 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Saya tidak dapat memberi jawapan semua query yang telah dikemukakan. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, beberapa perkara dapatlah saya terangkan sekarang kalau diperlukan. Secara ringkas mengenai Seksyen 3 (5) (b), ingin saya memaklumkan iaitu Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Islam akan dilantik dari ahli-ahli ulama yang berkelayakan dan berpengalaman dalam Undang-undang Syariah. Maka dengan itu tiap-tiap Bank Islam akan mempunyai Majlis Penasihatnya sendiri dan tidak satu Majlis Penasihat bagi semua Bank Islam. Ini dibuat supaya tiap-tiap Majlis Penasihat itu dapat menumpukan sepenuh masa dan khidmatnya kepada Bank-bank Islam berkenaan. Majlis itu juga akan dapat meneliti semua aspek perjalanan Bank Islam termasuk urusan Lembaga Pengarahnya dari segi Undang-undang Islam. Adalah wajib bagi Lembaga Pengarah mematuhi nasihat yang bersabit dengan Undang-undang Syariah dari Majlis Penasihat Syariah tersebut.

Dan seterusnya, Tuan Pengerusi, perkara ini tidaklah perlu kita bimbangkan sangat kerana sebenarnya kita hanya, pada waktu ini, ingin menubuhkan satu sahaja Bank Islam dan Bank Islam kedua agaknya barangkali lambat lagi kalau ditubuhkan pun. Berkenaan dengan Seksyen 4 (2).

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi: Saya minta biarlah Timbalan Menteri menjawab; Ahli Yang Berhormat boleh berucap lagi selepas daripada Timbalan Menteri menjawab, ada lagi peluang.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Yang sebetulnya dalam Majlis Peringkat Jawatankuasa ini satu persatu daripada Seksyen ini perlu disoal jawab sampai kita dapat satu bukti yang kita hendak ikut. Jadi, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menghabiskan Seksyen 3 (5) (b) itu.

Tuan Pengerusi: Dia belum habis menjawab lagi.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Dia sudah habis menjawab.

Tuan Pengerusi: Masalah ini belum habis lagi, saya hendak minta Ahli Yang Berhormat duduk dahulu.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Dia hendak pergi kepada Seksyen 4 (2) sekarang.

Tuan Pengerusi: Saya minta Ahli Yang Berhormat duduk dahulu.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Jadi Seksyen 3 (5) (b) belum habis.

Tuan Pengerusi: Jadi sekarang saya minta kepada Timbalan Menteri berkenaan, bertanya kepada beliau adakah sudah habis menjawab Seksyen 3 (5) (b)?

Tuan Sabbaruddin Chik: Seksyen 3 (5) (b) sudah habis, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sudah habis, baru boleh.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Pengerusi, jadi jawapan itu tadi tidak menjawab perkataan yang saya tanya, jadi sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri

mengatakan cuma satu Bank Islam akan diadakan. Undang-undang yang di hadapan kita ini mengatakan bukan cuma untuk satu Bank Islam, untuk banyak Bank Islam boleh diwujudkan. Jadi saya bercakap tentang undang-undang, bukan tentang praktikal ataupun apa yang kita hendak buat. Undang-undang ini mengatakan banyak Bank Islam. Jadi, pertanyaan saya semalam, Tuan Pengerusi, jika tiap-tiap satu Bank Islam ada satu Badan Penasihat Syariah, jadi satu badan daripada satu bank memberi satu tafsiran dan satu badan daripada Bank Islam yang lain memberi tafsiran yang lain atas subject, atas perkara yang sama akan menjadi satu pertentangan. Ini mengkelam-kabutkan kedudukan syariah. Ini daripada semalam saya tanya, macam mana kedudukan tiap-tiap satu Bank Islam mesti diadakan Badan Penasihat Syariah ataupun perlu satu Badan Penasihat Syariah sahaja diwujudkan. Jadi daripada badan itu tidaklah ada pertelingkahan tafsiran Undang-undang Syariah. Jikalau banyak sebagaimana guru-guru agama yang tidak selalunya bertengkar kerana dua butir fikiran yang lain, dua badan yang lain. Jadi apakah tindakan untuk mengatasi kedudukan yang akan keluar daripada pertelingkahan satu badan dengan satu badan yang lain dalam tafsiran perkara yang sama.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, saya sudah jawab tadi, kata saya tiap-tiap satu Bank itu akan mempunyai Majlis Penasihat Syariahnya sendiri, dan saya menambah, pada waktu ini kita hanya akan mengadakan satu, saya bukan mengatakan kita hanya akan mengadakan satu Bank Islam seumur hidup, tetapi buat sementara waktu hanya satu dahulu. Walau bagaimanapun, bagi tiap-tiap satu Bank Islam akan diadakan satu Majlis Penasihat Syariah; itu untuk tiap-tiap satu Bank. Kalau sudah ada dua bank besok, maka berlainan. Soalnya

sama ada kalau berlainan atau tidak pendapat masing-masing itu tidaklah timbul lagi. Itu yang saya katakan tadi. Jadi kalau timbul besok, besok, akan kita teliti. Saya tidak dapat mengangap apa perkara yang belum jadi.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana saya sebut tadi saya bukan hendak bercakap bila diwujudkan Bank Islam itu, saya bercakap hal Undang-undang Tuan Yang Dipertua. Undang-undang ini mengatakan dua Bank Islam boleh diwujudkan. Jadi kalau besok, lusa kita ada dua bank Islam apa jadinya jikalau kita tidak buat Undang-undang sekarang? Apabila kita buat sesuatu Undang-undang ini meliputi kedudukan apa yang di dalam Undang-undang, bukan untuk sementara hari ini atau besok atau lusa. Undang-undang ini akan tinggal di sini semasa badan kita telah pun dikambus tanah. Jadi, cadangan saya sama ada satu sahaja badan penasihat perlu dibuat ataupun kita hendak tinggalkan seperti provision di sini mengatakan peruntukan bagi penubuhan satu badan penasihat itu mesti dibuat untuk tiap-tiap satu Bank Islam.

Juga, Tuan Pengerusi, yang tidak dibangkitkan tadi ialah kedudukan badan penasihat itu. Apakah gunanya? Ini semalam saya sebut tetapi tak dijawab, dalam Seksyen 3 (5) ini. Jika kita ada satu Badan Penasihat Syariah yang duduk sahaja di situ, apakah gunanya untuk menunggu masalah-masalah yang dibawa ke atas jika pekerja-pekerja yang di bawah yang untuk merujuk perkara ini tidak tahu hal agama, tidak tahu masalah langsung sama ada apa yang dibuat itu bertentangan dengan agama atau tidak? Kalau dia tak tahu macam mana dia hendak rujuk kepada Badan Penasihat Syariah itu? Jadi itu juga daripada semalam saya cadangkan bahawa satu sahaja Badan Penasihat Syariah, tetapi semua Lembaga Pengarah Bank-bank Islam

mengandung orang yang tahu semua sudut agama, baik di peringkat Lembaga Pengarah dan juga di komite-komite di bawah Bank supaya sesuatu masalah agama timbul perkara itu dapat diketahui oleh komite, oleh Lembaga Pengarah, daripada situ Lembaga Pengarah boleh merujuk masalah agama kepada Badan Syariah itu. Jadi itu dua pertanyaan saya semalam, Tuan Pengerusi, sama ada kita hendak macam ini, pada pendapat saya tidak terpakai ataupun susah hendak digunakan ataupun we must be practical atau kita mesti praktik dalam perkara ini menengok kedudukan perjalanan bank.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, kita tidak boleh mempunyai hanya satu Majlis Penasihat Syariah kalau sekiranya kita ada lebih daripada satu bank, sebab kalau hanya ada satu Majlis Penasihat sahaja nanti ahli-ahli di dalam Majlis tersebut akan mengetahui perjalanan bank-bank yang lain, maka itulah sebabnya tiap-tiap Bank Islam itu akan mempunyai Majlis Penasihat Syariahnya sendiri. Itu yang telah saya katakan. Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk melanjutkan perbincangan ini. Jadi walaupun ada pertanyaan lagi tentang perkara ini saya tidak jawab lagilah.

Mengenai Seksyen 4 (2) dan Seksyen 11 (2), ini mengenai pemberitahu sebab-sebab mengapa syarat lesen itu tidak patut diubah atau dibatalkan. Tuan Pengerusi, Seksyen ini sebenarnya memberi peluang kepada pihak Bank Islam membela diri di dalam keadaan di mana Menteri mendapati Bank Islam berkenaan menyeleweng ataupun tidak menjalankan urusan banknya dengan sempurna sehingga syarat lesen patut diubah atau dibatalkan. Jadi, apabila keadaan ini diketahui oleh Menteri, maka itu bererti tindakan yang diambil itu merupakan satu tindakan yang telah difikirkan dengan mendalam bukan satu tindakan yang hanya

diambil dengan sewenang-wenang sahaja. Ertinya, tindakan ini diambil setelah penyelidikan dijalankan, setelah bukti-bukti ditunjukkan sebelum bank berkenaan diminta memberi sebab-sebab mengapa bank itu tidak dibatalkan lesennya.

Berkenaan dengan Seksyen-seksyen 15 (1) (b), 19 (1) (b), 24 (1) (c) dan yang lain-lain yang telah dikemukakan, Tuan Pengerusi, saya berterima kasih pada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan dan di atas perkara-perkara dan pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan dan kita akan memberi perhatian terhadap apa-apa perkara itu dan pendapat yang telah dikemukakan sewaktu menjalankan Bank Islam ini.

Fasal 1 hingga 30 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 31 hingga 60—

Dato Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Pengerusi, ingin saya cadangkan di sini di dalam Seksyen 31 sampai 60. Semua penerangan tiap-tiap satu fasal perlu diberi penjelasan seterusnya satu persatu. Jikalau boleh, saya akan mulakan dengan ulasan saya berkaitan dengan seksyen 33 (4).

“33 (4) Bagi maksud sesuatu penyiataan di bawah seksyen 31 atau 32, semua pegawai dan pekerja Bank Negara hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat-pengkhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan.”.

Ini bermaknanya pegawai-pegawai Bank Negara itu adalah pegawai J.P.A., jadi daripada situ, saya ingin sedikit penjelasan daripada Timbalan Menteri berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin pergi kepada Seksyen 34 Sub-seksyen (3) (c), di sini mengatakan:

“34 (3) Kecuali dengan kebenaran secara bertulis Bank Negara dan

setakat yang dinyatakan di dalamnya, tiada seseorang pegawai sesuatu bank Islam dan tiada seseorang yang oleh kerana kedudukan atau jawatannya boleh dengan apa-apa cara jua mempunyai akses kepada rekod-rekod bank itu, daftar-daftar atau apa-apa persuratan atau bahan berkenaan dengan akaun mana-mana pelanggan individu bank itu boleh memberi, menzahirkan atau membuka apa-apa jua maklumat berkenaan dengan wang atau butir-butir lain yang berkaitan dengan akaun pelanggan itu melainkan jika—

(a)

(b)

(c) maklumat itu dikehendaki untuk menilai kelayakan kredit pelanggan itu berkenaan dengan sesuatu transaksi perdagangan *bona fide* atau sesuatu transaksi perdagangan jangkaan.”.

Di sini, Tuan Pengerusi, nampaknya seperti saya cakap semalam jikalau seseorang itu hendak berniaga dengan saya bermaknanya daripada (c) ini maklumat kedudukan kewangan saya dapat diperiksa oleh seseorang. Ini manakutkan saya. Seperti juga saya sebut semalam hak asasi seseorang itu seperti juga beg wangnya. Saya tidak suka orang membuka beg tangan saya dan melihat apa di dalam beg tangan saya itu, itu kepentingan saya, hak asasi saya. Jadi di sini nampaknya satu lubang telah diberi untuk orang menahu kedudukan kewangan saya. Saya tidak bersalah di sini, saya tidak kurang jujur di sini, cuma saya hendak berniaga, tetapi dengan subseksyen ini jikalau saya ada satu akaun di Bank Islam, seseorang itu dapat menahu kedudukan kewangan saya di bawah subseksyen ini. Jadi sama ada subseksyen itu bagus atau tidak untuk pelanggan-pelanggan, itu pertanyaan saya, jikalau boleh perlu dikaji balik dan diperbaiki.

Tuan Pengerusi, izinkan saya pula beranjak daripada situ kepada seksyen 37 (2) (c) mengatakan:

“Tertakluk kepada subseksyen (1), Bank Negara boleh—

(c) memecat dari jawatan mana-mana daripada pengarahnya atau melantik mana-mana orang sebagai pengarahnya.”.

Saya tak ada khuatir ayat yang di hujung itu “melantik mana-mana orang”, tetapi “memecat mana-mana pengarah”. Selalunya jika sesuatu kesalahan berlaku di syarikat, sama ada syarikat bank ataupun syarikat biasa ataupun Bank Islam ini semua pengarah berkesalahan, puncanya datang daripada Lembaga Pengarah, merekalah membuat rumusan untuk perjalanan Bank Islam tetapi dengan subseksyen (c) ini nampaknya tunggul (scapegoat) akan dibuat. Satu daripadanya dia kata awak yang salah, awak saya hendak pecatkan, semua pengarah lain semua betul tetapi collective decision kita sudah habis daripada sini kerana seorang sahaja berkuasa di sini, Bank Negara menentukan semua resolusi perbuatan itu seorang sahaja yang salah. Jika seorang itu membuat satu salah jenayah, betul seorang itu perlu dipecat tetapi jikalau mereka membuat satu salah pentadbiran bank, seorang itu tidak bersalah, selalunya Lembaga Pengarah yang salah dan perlu Lembaga Pengarah semua diberhentikan, dipecatkan. Jangan kita menunjukkan seorang sebagai tunggul (scapegoat) untuk mengatakan dia yang salah, semua pengarah tidak salah. Ini pendapat saya berkenaan dengan subseksyen 37 (2) (c) ini, ini menjejaskan kedudukan collective decision dan collective administration.

Juga saya merujuk pula kepada seksyen 38 (a);

“Jika Bank Negara telah bertindak di bawah paragraph (c) subseksyen (2) seksyen 37

berkenaan dengan sesuatu Bank Islam, peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah berkuatkuasa:

- (a) walau apa pun yang terkandung dalam Akta Syarikat 1965 dan artikel persatuan bank itu, hak-hak bagi anggota-anggota atau pemegang-pemegang syer untuk memilih pengarah-pengarah bank itu bagi menggantikan mereka yang telah dipecat dari jawatan oleh Bank Negara hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa.”.

Tuan Pengerusi, clause ini memotong tepat kepada kedudukan demokrasi negeri kita, bermakna seorang yang ada saham-saham di dalam Bank Islam ini diketepikan secara begitu sahaja dengan tak ada suara langsung dan satu diktator daripada luar mengatakan saya akan menjalankan hal ini jikalau diwujudkan perkara 38 (a) ini. Saya tidak katakan bahawa Bank Negara tidak ada kecekapan, Bank Negara cekap daripada semua pemegang-pemegang sahamnya tetapi kepunyaan Bank itu bukan kepunyaan Bank Negara, kepunyaan pemegang-pemegang saham, sedikit sebanyak daripada fikiran pemegang-pemegang saham itu perlu juga diambil sebelum tindakan-tindakan administrasi Bank Negara akan membuat, akan dibuat mesti dirujuk kepada pemegang-pemegang saham. Itu pada pendapat saya.

Dan juga di dalam 38 (c) ini:

“Tiap-tiap pemecatan atau perlantikan di bawah paragraf itu adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh disoal dalam mana-mana mahkamah.”.

Ini saya tak tahu sama ada betul atau tidak betul perkara ini, sama ada melanggar Perlembagaan Negara atau tidak, ini saya mahu penjelasan.

Jikalau seseorang itu didakwa salah tak ada tempat untuknya jikalau dia tidak boleh membela dirinya di mahkamah. Provision ini mengatakan apa tindakan dibuat kepada mereka itu tidak boleh disoal di dalam mana-mana mahkamah, di mana kedudukan “human freedom” di dalam subseksyen ini. Pada pendapat saya jikalau seorang itu salah, dia ada hak (right) untuk membela dirinya, sekurang-kurangnya di mahkamah.

Tuan Pengerusi, Fasal 44 (1) izinkan saya baca:

“Baik Kerajaan mahupun Bank Negara ataupun mana-mana pegawai salah satu daripadanya tidak boleh tertakluk kepada apa-apa tindakan, tuntutan atau permintaan oleh atau liabiliti kepada seseorang berkenaan dengan apa-apa yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan dengan suci hati menurut atau pada melaksanakan atau pelaksanaan yang dicadangkan atau berkaitan dengan pelaksanaan atau pelaksanaan yang dicadangkan apa-apa kuasa yang diberi kepada Kerajaan, Bank Negara atau pegawai itu oleh Akta ini.”.

Bila saya baca itu, Tuan Pengerusi, maklumlah kata-kata undang-undang ini macam putar-belit juga tetapi pada simplicitynya di sini mengatakan bahawa Kerajaan, Bank Negara, pegawai-pegawai Kerajaan, pegawai-pegawai Bank Negara tidak boleh didakwa atas kesalahannya mentadbirkan Bank Islam. Itu dengan pendeknya.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak banding dengan seksyen yang saya sebut awal tadi, jikalau seorang pegawai Bank Islam salah boleh dipecat, boleh didakwa, boleh dibuang tanpa kawan itu boleh pergi mahkamah untuk mendakwa diri

tetapi bila administrasi Bank Islam itu diambil alih oleh Kerajaan, Bank negara atau pegawai-pegawai Kerajaan, jika mereka membuat sesuatu kesalahan mereka tidak boleh didakwa oleh pemegang-pemegang saham atas negligence mereka. Adakah undang-undang ini patut begitu, maknanya dia mengkebabkan diri mereka tak boleh didakwa, mereka buat salah tak boleh didakwa. Jikalau Kerajaan sendiri pun ambil tanah saya dapat saya dakwa di mahkamah tetapi di sini kedudukan dakwaan tidak berbangkit langsung kerana kekuatan di bawah 44 (1) ini mengatakan tidak boleh tertakluk kepada apa-apa tindakan, tuntutan atau permintaan atas administrasi, baik Kerajaan mahupun Bank Negara. Itu soalan saya, acquitability, sama ada undang-undang ini patut perikemanusiaan. Itu 44 (1), Tuan Pengerusi.

Saya ingin merujuk pula Fasal 47. Seksyen 47 ini perkara kecil tetapi ingin saya bangkitkan kerana ini menjejaskan kedudukan profesyen saya.

“47. Seseorang pengarah, pengurus, pemegang amanah, juruaudit, pekerja atau ejen manamana bank Islam yang—

- (a) dengan sengaja membuat
x x x x x
- (b) dengan sengaja meninggalkan
x x x x x
- (c) dengan sengaja mengubah
x x x x x

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda.”

dan sampai ke hujung seksyen itu. Pertanyaan saya di sini, Tuan Pengerusi, betul seseorang pengarah jika salah patut dibuat begitu, pengurus, pemegang amanah, pekerja, ejen-ejen kerana mereka ini

adalah dianggap sebagai pegawai-pegawai bank, tetapi kedudukan juruaudit sebagai profesional daripada luar juga sebagai peguambela dan peguamcara (lawyers and solicitors) dan pakar-pakar yang lain yang memberi perkhidmatan kepada bank, tidak sepatutnya dimasukkan ke dalam seksyen itu sebagai pekerja-pekerja bank itu dan dibawa semuanya sebagai pegawai-pegawai syarikat. Juruaudit adalah satu profesional yang lain yang ada satu firma yang lain juga seperti doctors, juga seperti lawyers, dan pakar-pakar yang lain. Kedudukan mereka itu tidak sebagai pegawai. Ini penjelasan yang saya mahu. Jika juruaudit perlu dimasukkan di dalam seksyen 47 itu maka segala pakar-pakar yang lain perlu juga dimasukkan seperti lawyers, consultants dan semua pakar-pakar yang memberi nasihat dan perkhidmatan kepada bank itu.

Di sini saya berkeras, Tuan Pengerusi, perkataan “juruaudit” perlu dikeluarkan balik daripada seksyen 47 itu.

Untuk penghabisan dalam ulasan saya adalah seksyen 53. Seksyen 53 ini juga kedudukannya, izinkan saya baca, Tuan Pengerusi—

“53. (2) Tanpa menyentuh keluasan makna subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat”.

Ini peraturan-peraturan yang mesti dibuat tanpa izin, tidak boleh tanpa izin Bank Negara:

“(a) untuk mengadakan kawalan oleh Bank Negara berkenaan dengan pemerolehan atau pemegangan oleh sesuatu bank Islam akan syer-syer sesuatu perbadanan atau pemerolehan atau pemajuan oleh bank itu akan apa-apa harta tak alih;”.

Fasal 53 (2) ini dengan tepatnya mengatakan Bank Islam tidak boleh membeli apa-apa saham dalam sesuatu syarikat ataupun membeli apa-apa hakmilik tak alih seperti bangunan, tanah, tanpa kelulusan Bank Negara. Ini adakah yang dikehendaki di dalam Bank Islam? Jikalau bank-bank lain boleh membeli saham, membeli harta, mengambil harta tetapi kenapa Bank Islam pula mesti mendapat kelulusan Bank Negara sebelum memperolehi pemerolehan ini? Itu satu daripadanya.

2 (c) pun begitu juga, Tuan Pengerusi—

“(c) untuk mengadakan kawalan oleh Bank Negara berkenaan dengan pemberian apa-apa kemudahan kredit kepada mana-mana orang bagi maksud membiayai pemerolehan atau pemegangan harta tak alih, syer dan kontrak dalam kredit pengguna dan serahan hadapan komoditi;”.

Tanpa kelulusan Bank Negara tidak boleh dijalankan. Ini bermakna pelanggan-pelanggan hendak memohon wang untuk membeli tanah atau membeli saham tidak boleh diberi oleh Bank Islam tanpa kelulusan Bank Negara. Ini pun satu rintangan pada pandangan saya untuk melancarkan administrasi Bank Islam. Ini perlu dikaji. Dan yang anihnya sekali yang ke belakang sekali, tanpa menyentuh keluasan makna subseksyen (1) peraturan-peraturan boleh dibuat—(e) (iii) muka surat 41, semua aset lain. Ini bermakna di bawah seksyen 53 Bank Negara boleh dengan kelulusan Menteri membuat apa-apa peraturan sebagaimana yang dikehendaki dari semasa ke semasa untuk melaksanakan tujuan Akta ini. Bermakna Bank Islam tidak boleh membeli semua aset-aset melainkan dengan kelulusan Bank Negara.

Adakah ini bermakna tiap-tiap kali pembelian hendak dibuat mesti mendapat kelulusan Bank Negara? Ini menjadi satu rintangan, saya ingin penjelasan. Kalau tidak begitu, baguslah. Pada pendapat saya macam saya kata tadi itu, tidak bagus, perlu dibaiki. Jadi itulah pertanyaan saya dan permohonan saya untuk dijelaskan.

Tuan Pengerusi, yang kemudian sekali adalah pemindaan seksyen 57, muka surat 42, Bahagian VIII berkaitan dengan pindaan-pindaan berkaitan dengan Rang Undang-undang Bank Islam ini termasuk pindaan yang dibuat di dalam Akta Bank, 1973; seksyen 58 Akta Syarikat, 1965. Di sini saya ingin menyentuh sedikit seksyen 4 Akta Syarikat, 1965 sahaja dibuat pemindaan. Yang saya sebut tadi, Tuan Pengerusi, saya ingin minta Kerajaan mengkaji kedudukan Akta No. 9 Akta Syarikat, 1965 (Companies Act, 1965 section 9 (a) perlu juga dipinda untuk dimasukkan apa yang sekarang telah dijalankan tanpa tegahan oleh Kerajaan. Maknanya Bank Negara pun telah meluluskan bahawa Auditors umpamanya boleh meminjam wang daripada bank-bank yang lain tetapi undang-undang tidak diperbaiki, jika satu hari siapa hendak pegang kepada Auditors boleh dipegang, boleh didakwa dengan taktiknya sudah diberi kelulusan tetapi undang-undang ada lepasan lagi.

Di sini saya ingin mencadangkan bahawa seksyen 9 (1) of the Companies Act, 1965 perlu dipindahkan untuk memasukkan perkataan yang saya sebut tadi. Tuan Pengerusi, izinkan saya bacakan:

“9. (1) A person shall not knowingly consent to be appointed, and shall not knowingly act, as auditor for any company and shall not prepare, for or on behalf of a company, any report required by this Act to be

prepared by an approved company auditor—

- (a) x x x x x x x x x x
 (b) if he is indebted to the company or to a corporation that is deemed to be related to that company by virtue of section 6 in an amount exceeding two thousand five hundred dollars;”.

Permohonan saya di hujung ayat itu ditambah selepas “two thousand five hundred dollars”—

“other than loans and advances from a financial institution (termasuk Bank Islam ini) made in the ordinary course of business under normal lending procedures, terms and requirements.”.

Dalam Bahasa Melayunya saya sebut di sini:

“selain daripada pinjaman dan pendahuluan diberi oleh sesuatu institusi kewangan, secara perniagaan-perniagaan yang biasa dibuat oleh institusi itu, dan mematuhi semua peraturan, syarat dan tuntutan bank.”.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, sekianlah ulasan saya daripada seksyen 31 sampai 60.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Sabbaruddin Chik: Sekali lagi saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan kita akan memastikan supaya perhatian diberi kepada perkara-perkara yang telah dikemukakan tadi.

Fasal 31 hingga 60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG JEMAAH PEMERIKSA ELEKTRIK

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.32 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang Dipertua, saya memohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1982 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk membuat peruntukan mengenai pengawalan pemasangan, loji dan kelengkapan elektrik mengenai perkara-perkara berhubung dengan keselamatan orang-orang dan bagi maksud yang berkaitan dengannya.

Bahagian Pemeriksa Elektrik yang ada sekarang adalah ditubuhkan melalui perbekalan dalam Akta Elektrik 1949 iaitu bersama-sama dengan penubuhan Lembaga Letrik Negara (L.L.N.) dan bertanggungjawab mengenai pemeriksaan elektrik di Semenanjung Malaysia sahaja. Perlantikan Ketua Pemeriksa Elektrik serta pegawai-pegawainya adalah dibuat oleh L.L.N. iaitu dari kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan L.L.N.

Oleh kerana Bahagian Pemeriksa Elektrik ini pada masa sekarang adalah merupakan sebahagian dari organisasi L.L.N. sedangkan tugas-tugasnya antara lain ialah untuk mengawasi dan memeriksa pembekalan elektrik termasuk yang dilakukan oleh L.L.N. dan pelesen-pelesen awam di bawahnya, maka ianya tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya secara bebas dan lebih objektif sebagaimana sepatutnya.

Di negeri Sabah pula, Tuan Yang Dipertua, tugas ini telah diwakilkan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah

kepada Lembaga Letrik Sabah (L.L.S.) mengikut perbekalan Ordinan Letrik Sabah 1950. Sungguhpun demikian, Bahagian Pemeriksa Elektrik Sabah (L.L.S.) hanya telah diwujudkan pada tahun 1975 dan Bahagian ini telah ditugaskan untuk membantu Pengurus Besar L.L.S. dalam menjalankan tugas-tugasnya sebagai Ketua Pemeriksa Elektrik Negeri Sabah.

Bagi Sarawak pula, pemeriksa elektrik ini telah diwakilkan oleh Yang Di-Pertua Negeri Sarawak kepada Ketua Jurutera di Kementerian Perhubungan dan Kerjaraya Negeri Sarawak mengikut perbekalan Ordinan Letrik Sarawak 1956. Seperti halnya di Sabah, tugas-tugas pemeriksaan elektrik yang dijalankan di Sarawak didapati juga tidak berkesan dan tidak memuaskan oleh kerana tugas-tugas ini hanya dilakukan oleh pihak berkenaan sebagai tugas sampingan mereka sahaja.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan kedudukan inilah maka difikirkan perlu bagi Bahagian Pemeriksa Elektrik ini dijadikan sebuah jabatan berasingan. Jabatan Pemeriksa yang baru ini akan merangkumi tugas-tugas pemeriksaan elektrik di seluruh negara. Ini pula adalah sejajar dengan keputusan Kerajaan untuk menerima balik penurunan kuasa yang diberikan kepada Kerajaan Sabah dan Sarawak berhubung dengan pembekalan elektrik yang mana L.L.S. dan Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak (SESCO) dengan ini akan dijadikan Perbadanan Persekutuan. Dalam hal ini sukalah saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Sabah dan Sarawak telah menyambut baik akan cadangan untuk memindahkan Bahagian Pemeriksa Elektrik dan dijadikan satu jabatan berasingan.

Tuan Yang Dipertua, bagi membolehkan Jabatan yang berasingan ini diwujudkan, maka perlulah bagi Rang Undang-undang ini digubal supaya Jabatan ini dapat berfungsi dan bertugas menurut lunas-lunas undang-undang yang disediakan.

Rang Undang-undang ini telah digubal berasaskan kepada perbekalan-perbekalan yang terdapat dalam Akta Elektrik 1949 pindaan 1980 yang mana ada kaitan dengan perlantikan Ketua Pemeriksa Elektrik, tugas dan fungsi pemeriksa elektrik, pemberian lesen-lesen dan lain-lainnya. Oleh itu perbekalan dalam Rang Undang-undang ini adalah lebih kurang sama dengan perbekalan yang terdapat dalam Akta Elektrik 1949 pindaan 1980 yang berkaitan dengan pemeriksa elektrik. Apa yang membezakan Rang Undang-undang ini dengan Akta Elektrik yang sedia ada hanyalah dari segi bidang kuasa Jabatan ini yang mana akan merangkumi negeri Sabah dan Sarawak juga selain daripada Semenanjung apabila ianya dikuatkuasakan kelak.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini mengandungi 11 bahagian iaitu sebagaimana yang terdapat dalam Rang Undang-undang yang ada di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Memandangkan kedudukan-kedudukan yang dinyatakan sebentar tadi, maka Kementerian saya mendapati perlu bagi Jabatan Pemeriksa Elektrik ini diwujudkan sebagai sebuah Jabatan yang berasingan dan dipindahkan dari Perbadanan-perbadanan yang seharusnya diawasi oleh Jabatan ini. Adalah menjadi harapan saya bahawa fungsi dan tugas-tugas Jabatan ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan memuaskan lagi demi menjamin perbekalan elektrik di seluruh negara dapat dikendalikan

dengan baik dan selamat apabila ianya dipindahkan kelak. Pengwujudan Jabatan ini juga adalah didapati perlu untuk membolehkan pemeriksaan elektrik ini dapat dilakukan dalam keadaan seragam bagi Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengawalan, pemasangan loji dan kelengkapan elektrik mengenai perkara-perkara berhubungan dengan keselamatan orang dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.42 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya bangun bagi menyokong suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak mengenai fungsi-fungsi Perbadanan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya dan juga dinamakan Akta Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak 1982.

Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan yang mana telah dapat membuat satu undang-undang ini bagi menyelaraskan berhubungan dengan undang-undang Perbadanan Pembekalan Letrik ini mengikut undang-undang kita di Semenanjung Malaysia yang telah diterangkan dan telah pun dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya tidak hendak berucap begitu panjang dalam soal ini, hanya saya ingin membangkitkan perkara Rang Undang-undang Letrik ini iaitu yang berlaku di Semenanjung Malaysia ini sendiri berhubung dengan pembekalan elektrik yang masih banyak lagi belum dijalankan di kampung-kampung dan di desa-desa. Kita harap dengan adanya perbadanan ini Sarawak juga akan dapat lebih banyak bekalan ini kepada rakyat-rakyat kita di negeri Sarawak.

Selain daripada itu, tentang Lembaga Letrik Negara ini saya ingin juga menyentuh sedikit berhubung dengan bekalan sekarang ini khususnya di Semenanjung Malaysia iaitu tentang bekalan sama ada di rumah-rumah dan juga di gudang-gudang ataupun di kilang-kilang perusahaan yang mana selalunya terganggu dan putus bekalan dan kadangkala memakan masa berjam-jam baru pihak Lembaga Letrik Negara datang membetulkannya ataupun membaikinya. Begitu juga di rumah-rumah, ini selalu dalam kawasan-kawasan perumahan umpamanya tempat saya selalu sangat terjadi iaitu di Petaling Jaya kadangkala dalam satu bulan dua tiga kali terjadi keputusan tenaga elektrik, lebih-lebih lagi masa-masanya sebelah petang dekat hendak maghrib sehingga kadang-kadang ke tengah malam baru sambungan tiba. Saya rasa pihak Lembaga Letrik Negara hendaklah menyegerakan pembetulan dan sungguhpun pihak penghuni perumahan telah beritahu melalui telefon dan sebagainya kadangkala pihak Lembaga Letrik Negara memberitahu orang telah dihantar tetapi menanti begitu lama baru tiba. Itu soal putusan bekalan elektrik ini.

Lagi satu, pemeriksaan bil-bil di rumah-rumah. Ini juga kita harus minta pihak-pihak berkenaan supaya pemeriksaan ini dapat diteliti kerana selalu kita dengar kadangkala

pembayaran itu turun naik sungguhpun tidak pakai banyak dia kata, tetapi bulan ini umpamanya \$100, bulan depan \$140 kadang-kadang turun sampai \$60, turun naik sungguhpun pemakaian sama sahaja, kalau hendak naik \$2 atau \$3 itu masalahnya tidak apalah. Ini lagi satu.

Masalah yang lain pula adalah berhubung dengan meter-meter yang ada di dalam rumah. Kadangkala penghuni bekerja, pembaca-pembaca meter yang datang, orangnya tidak ada dan mereka tidak periksa, kadangkala ada pula tiba-tiba potongan dijalankan, kononnya tidak dibayar bil elektrik. Potongan seperti sekarang ini juga berlaku kadangkala tanpa memberi amaran terlebih dahulu. Ini juga hendaklah diawasi supaya bekalan elektrik ini boleh dinikmati oleh rakyat.

Selain daripada ini, kadang-kadang di kawasan saya sendiri iaitu di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya sungguhpun Kerajaan melalui TV dan Radio selalu menyatakan berjimat cermatlah penggunaan tenaga elektrik dan sebagainya, tetapi hanya di situ sahaja, pihak Kerajaan ataupun pihak-pihak yang berkenaan seperti Majlis Tempatan kadangkala tidak berjimat. Kadangkala pada tengah hari, pukul 1.00 atau pukul 2.00 lampu-lampu elektrik di tiang-tiang masih terang, lebih-lebih lagi pada hari minggu ataupun hari cuti masih lagi terpasang. Pihak Lembaga Letrik Negara, Majlis-majlis Tempatan ataupun pihak berkenaan hendaklah mengambil perhatian atas hal ini, kerana saya rasa kemungkinan banyak belanjanya tiap-tiap satu batang elektrik yang dipasang kurang-kurang dua tiga jam ini akan membebankan pihak negara untuk membayar bekalan elektrik ini kepada pihak Lembaga Letrik Negara.

Lagi satu, di sini saya hendak bertanya Timbalan Menteri tiap-tiap orang yang menggunakan elektrik ini

mesti membayar pendahuluan apabila hendak memasukkan elektrik ke rumah sampai \$100 atau kalau lebih lagi sampai \$1,000 pun ada. Tetapi malangnya duit itu tersimpan begitu sahaja. Apabila dituntut balik jikalau ada hutang ditolak hutanglah tetapi yang sebenarnya tidak ada berhutang, kalau hendak dituntut balik begitu juga. Apa salahnya saya cadangkan di sini sungguhpun pada hari ini kita mengendalikannya undang-undang Bank Islam tidak boleh mendapat faedah dan sebagainya tetapi dalam masalah ini apa salahnya pihak Lembaga Letrik Negara mengeluarkan duit pendahuluan yang diberi oleh rakyat itu supaya bila dibayar balik beri faedah atau sugu hati berapa jumlahnya, umpamanya kalau dia bayar \$100 boleh beri lebih sedikit sebagai faedah kerana duit itu disimpan dan digunakan oleh Lembaga Letrik Negara bertahun-tahun untuk membiayai pembiayaan yang lain. Ini juga kita harap kerana pihak Lembaga Letrik Negara tidak mahu bertolak ansur langsung, jikalau sekiranya pembayaran yang kita telah buat lewat pemotongan akan dijalankan dengan seberapa segera dan jika hendak sambung balik kena bayar \$3.00, di tempat lain saya tidak tahulah, tetapi di kawasan saya \$3.00, kemungkinan tempat lain pun serupa.

Inilah masalah-masalah berhubung dengan bekalan elektrik ini. Kita harap negara kita yang hendak kemajuan dan pemodenan negara kita dari satu masa ke satu masa, bekalan elektrik ini amat berguna sama ada di segi manusia dan juga di segi yang lain-lainnya sekarang ini berhubung dengan gudang-gudang dan sebagainya supaya bekalan elektrik ini dapat memuaskan hati dan kita tidak mahu ada dengar desas-desus sungutan daripada rakyat yang mana bekalan elektrik ataupun tenaga elektrik ini tidak memuaskan dari masa ke semasa.

Begitu juga saya harap dengan adanya Rang Undang-undang Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak dan Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah yang kita akan sama bahaskan dalam Dewan ini dan saya juga sama-sama dalam Dewan yang mulia ini menyokong di atas Rang Undang-undang Jemaah Pemeriksa Elektrik ini. Dengan ini, saya ucapkan terima kasih.

5.02 ptg.

Dato' Ismail bin Hashim: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong di atas Rang Undang-undang Jemaah Pemeriksa Elektrik 1982 sebagaimana yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baharu sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, saya hanya hendak membangkitkan satu dua perkara sahaja iaitu cadangan untuk memasukkan dan menjalankan kerja di atas tanah-tanah di bawah Seksyen 9. Tuan Yang Dipertua, Lembaga Letrik Negara adalah satu badan berkanun yang telah dikanunkan oleh Kerajaan sejak tahun 1949. Apa yang saya hendak bangkitkan ialah masalah penggunaan tanah-tanah orang ramai yang mana bila mana dipasang talian elektrik sama ada di tanah orang perseorangan atau ladang getah ataupun kebun dan sebagainya, maka segala-galanya itu tidak ada pembayaran yang ditentukan dan had keluasan tanah yang diperlukan ialah sejauh serantai di antara kiri kanan talian elektrik yang dilakukan oleh Lembaga Letrik Negara. Jadi, ada yang dibayar oleh Lembaga Letrik Negara hanyalah pokok-pokok kekal ataupun rumah-rumah yang terlibat di dalam laluan dan talian elektrik itu.

Masalahnya sekarang ialah tanah-tanah orang Melayu kita yang tidak sebegitu luas yang dikatakan sekangkang kera, kalau adapun bendang atau sawah tidaklah luas

sebagaimana tanah-tanah yang dipunyai oleh orang-orang lain. Kita berharap supaya Lembaga Letrik Negara mempertimbangkan bukan sahaja membayar sagu hati dari segi pokok-pokok kekal sebagaimana yang telah dibuat tetapi juga rumah-rumah yang terlibat di dalam laluan talian elektrik itu. Apa yang saya hendak ialah bayaran sagu hati kepada tanah-tanah yang dilalui oleh talian elektrik sejauh dua rantai di antara kiri kanan talian itu yang tidak boleh digunakan oleh tuan punya tanah. Dan kadangkala kalau kita pastikan ada juga pihak Lembaga Letrik Negara membenarkan pihak-pihak perumahan membina projek-projek perumahan di dalam kawasan yang sejarak dua rantai itu, tetapi bilamana orang-orang kampung yang membangunkan rumah di dalam kawasan-kawasan yang disekat sebanyak dua rantai itu tidak dibolehkan. Saya berharap supaya ianya tidak ada perbezaan di antara taman-taman perumahan.

Saya boleh membuktikan khususnya di Negeri Melaka yang saya fikirkan tidak bersesuaian daripada Undang-undang Lembaga Letrik Negara yang membolehkan taman-taman perumahan itu membina rumah-rumah di dalam kawasan dua rantai laluan talian elektrik ini. Jadi, kalau dibolehkan kepada taman-taman perumahan maka tidak ada sebab yang tidak membolehkan tanah-tanah orang kampung yang berhampiran dengan talian elektrik itu untuk dibangunkan ataupun diberi peluang untuk mereka ini membangunkan rumah di dalam kawasan yang saya cakapkan tadi.

Masalahnya, Tuan Yang Dipertua, ialah masalah tanah. Masalah tanah sekarang nilainya tinggi dan dari segi Lembaga Letrik Negara hanya memberikan tenaga dengan dapat bayaran, tidak ada bayaran tidak ada tenaga elektrik akan diberi

sebagaimana yang kita pastikan, kalau hendak masukkan dalam satu rumah hendak dikenakan \$200 dan hendak dipasang tiang lampu dikenakan bayaran kepada orang yang membuat permohonan itu. Saya berharap supaya pihak Lembaga Letrik Negara untuk menimbang dan mengambil kira semula walaupun kelulusan telah dibuat dalam Akta 1949 yang ada tumpang lalu beri free (free service), tidak ada duit apa-apa pun. Jadi tuan tanah kena bayar cukai kemudian tanahnya tidak digunakan, bila talian lalu dia hanya dibayar kepada pokok-pokok kekal yang terlibat talian elektrik itu dan juga rumah-rumah yang berhampiran ataupun yang terkena laluan talian elektrik. Jadi, oleh sebab perkara ini sudah lama dan saya telah menyoal perkara ini kepada Pejabat Tanah maka Pejabat Tanah kata perkara ini tidak boleh dibuat apa-apa hanya dibayar kepada pokok-pokok kekal ataupun rumah-rumah yang terlibat dalam laluan talian elektrik ini.

Masalah tanah bendang, tanah sawah tumpang lalu percuma sahaja, tidak ada pampasan, tidak ada bayaran. Jadi, kalau sekiranya perkara itu berlarutan, saya fikir sebagaimana yang saya katakan bagi kita orang Melayu tidak mempunyai tanah yang begitu luas, kalau pun ada tanah-tanah sawah sekarang kebanyakan telah ditambak untuk dijadikan pembangunan. Bagi orang Melayu yang terlibat tanahnya di atas laluan elektrik ini memang tidak dapat mendatangkan hasil, bahkan cukai mereka kena bayar. Kalau boleh supaya dapat dipertimbangkan sedikit bayaran mengikut nilai sebanyak mana yang diambil ataupun dilalui oleh talian elektrik di tempat-tempat ataupun di tanah-tanah orang perseorangan.

Dengan ini saya dengan sukacita menyokong penuh atas Rang Undang-undang Jemaah Pemeriksa Elektrik

1982 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kita ini sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Dato' Haji Mahmoud Salim.

5.00 ptg.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong dan memberi sedikit ulasan berkenaan dengan Rang Undang-undang Jemaah Pemeriksa Elektrik 1982 yang dimajukan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Saya menyokong Undang-undang ini, ialah kerana pada masa sekarang ini di dalam negara kita boleh dikatakan sebuah negara di dalam Asia ini yang menggunakan elektrik yang begitu banyak dan sebuah negara yang maju di dalam bahagian elektrik.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, perkembangan elektrik di negara kita begitu pesat dari bandar sampai ke luar bandar. Kita boleh melihat di seluruh negara kita sekarang ini kita boleh bermegah di mana-mana kita pergi boleh dikatakan elektrik ini telah meliputi sama ada di bandar ataupun di kampung-kampung, di desa-desa. Maka ini adalah satu kemegahan kepada kita dan satu pertolongan yang besar kepada rakyat jelata sekalian di samping pembinaan jalan raya-jalan raya, maka ada pula elektrik-elektrik dipasangkan untuk memberi kemudahan kepada orang-orang kampung dan orang-orang bandar. Tetapi, satu perkara yang saya suka mengingatkan kepada pihak Kerajaan di dalam perkara ini iaitu elektrik ini oleh kerana ianya satu kegemaran kepada orang-orang kampung dan orang ramai maka sangat banyak peminat-pemihatnya. Boleh dikatakan kebanyakan daripada pemuda-pemuda kita suka mengambil

bahagian di dalam bahagian elektrik ini. Mereka mencuba bermacam-macam jalan kalau sekiranya ada elektrik ini rosak dan sebagainya. Walaupun pihak elektrik memberi amaran mengatakan membaiki elektrik ini mendatangkan bahaya dan sebagainya dan hendaklah elektrik ini dibaiki oleh orang-orang yang ada lesen, pembekal-pembekal yang berlesen, tetapi pemuda-pemuda kita masih juga mencuba membaikinya, lebih-lebih lagi perkara yang pada pendapat mereka senang sahaja seumpama fuis-fuis yang terbakar mereka boleh buat dengan sendiri.

Kalau di kampung-kampung, Tuan Yang Dipertua, satu masalah kerumitan yang berlaku ialah dengan sebab tidak ada pembekal-pembekal elektrik yang berlesen. Pihak Jabatan Elektrik ini susah sangat hendak memberi lesen elektrik kepada pembekal-pembekal ini. Selepas diadakan pemeriksaan, diadakan lagi pemeriksaan untuk hendak memberi lesen itu menyebabkan banyak pemuda-pemuda yang meminta lesen itu merasa cuak. Dengan sebab itu, kita dapati jarang-jarang sahaja di kampung-kampung itu ada pembekal-pembekal elektrik yang berlesen. Yang adanya di bandar-bandar. Maka ini satu masalah yang saya harap pihak Jabatan Elektrik mengambil berat dan memikir semula kerana masalah elektrik ini kalau berlaku kerosakan sama ada ia dibaiki oleh pembekal yang berlesen atau tidak mestilah tuan-tuan punya itu cuma dengan seberapa daya upayanya cuba membaikinya walaupun perkara itu merbahaya. Maka kalau sekiranya dibaiki sendiri oleh pemuda-pemuda kampung yang tidak ada lesen itu inilah yang mendatangkan bahaya, maka kesalahan itu bukan sahaja dipikul oleh orang yang membaiki yang tidak ada lesen itu, tetapi dipikul sama oleh Jabatan Elektrik kerana dia menyusah-nyusahkan pembekal-pembekal elektrik itu daripada

memberi lesen. Jadi, saya berharap kalau sekiranya pihak pendaftar kereta-kereta tidaklah begitu susah memberi lesen pemandu kepada kereta-kereta, maka saya berharap supaya lesen-lesen pembekal elektrik ini diberi dengan banyaknya, sekurang-kurangnya tiap-tiap satu kampung yang ada elektrik seorang dibenarkan kerana ini untuk menolong kepada orang kampung itu tidak payah mereka itu pergi ke bandar-bandar apakala berlaku kerosakan masing-masing. Kalau tidak maka seolah-olahnya pihak Jabatan Elektrik ini menjemput pemuda-pemuda kampung itu supaya mereka itu menceroboh elektrik itu, mereka itu masuk di dalam risiko di dalam perkara yang merbahaya ini.

Saya suka menyentuh satu perkara, dalam Undang-undang ini berkenaan dengan orang yang memberi maklumat, orang yang memberi maklumat tentang orang-orang yang membuat kesalahan berkenaan dengan elektrik iaitu sesiapa yang mengalihkan wayar elektrik atau sesiapa yang menjalankan secara haram elektrik itu, boleh memberi maklumat kepada pihak Jabatan Elektrik dan mereka akan diberi hadiah. Tetapi hadiah itu yang anihnya, Tuan Yang Dipertua, bukan sebagaimana pihak polis memberi hadiah, pihak polis ada hadiah daripada Jabatannya sendiri. Kalau siapa informer itu apabila dia memberi satu rahsia dibayar daripada wang polis, tetapi elektrik ini tidak, diambil daripada wang denda. Ini saya hairan, ini macam mana jadi begitu.

Di dalam Seksyen 26 di dalam Rang Undang-undang ini mengatakan mana-mana orang yang melakukan kesalahan mengganggu atau mengubah pasangan-pasangan elektrik apabila disabitkan bolehlah dihukum denda tidak lebih daripada \$15,000 atau penjara tidak lebih daripada lima tahun. Denda \$15,000

maksimanya. Kemudian dalam Seksyen 31 pula mengatakan dalam hal sabitan yang melibatkan denda, mahkamah yang mengenakan denda itu boleh, atas permohonan pegawai yang menjalankan pendakwaan itu, mengarahkan pembayaran mana-mana bahagian denda yang tidak melebihi setengah kepada orang yang memberi maklumat membawa kepada sabitan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkan patut oleh mahkamah. Jadi, pegawai elektrik ini—pegawai yang mendakwa itu boleh meminta kepada mahkamah supaya denda yang dikenakan itu dibayar kepada orang yang memberi maklumat itu tidak lebih daripada separuh. Jadi kalau denda \$15,000 bermakna \$7,500 dia boleh minta kepada mahkamah supaya dibayar kepada informer tadi. Ini satu perkara yang pelik di dalam Undang-undang Elektrik ini. Ini barangkali hendak menggalakkan orang kampung supaya menjadi spy atau mata-mata gelap pejabat Elektrik, barangkali mengintai-intai berkehendak kepada hadiah yang begitu besar, tetapi sebaliknya perkara ini apakala diminta daripada mahkamah membayar kepada orang itu, nama orang itu akan disebut di dalam mahkamah, tidak macam polis, polis nama informernya itu disembunyikan, orang yang memberi laporan itu tidak diketahui oleh sesiapa. Pihak Elektrik ini, nama orang yang memberi laporan itu, akan ketara dalam mahkamah. Ini boleh menjadi satu perbalahan di belakang hari pula. Tidak tahulah saya macam mana gayanya. Kepada saya lebih baiklah pihak Jabatan Elektrik, oleh kerana Jabatan Elektrik ini pejabat yang kaya, dia menerima bayaran daripada orang ramai, tentulah banyak wang, apalah yang ditunggu denda daripada pesalah-pesalah itu baru hendak dibayar kepada informer, dia ada wang dia sendiri, lebih baik dia sendiri bayar kepada informer itu walau banyak mana pun. Itu pandangan saya.

Saya nampak ini satu perkara ganjil di dalam Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, Undang-undang ini adalah bagus kerana dia melibatkan kawalan yang ketat dengan sebab banyaknya pegawai-pegawai yang akan bertindak kelak di seluruh negara kita termasuk di Semenanjung Malaysia ini dan juga di Malaysia Timur. Tetapi sebagaimana saya katakan tadi walau macam mana pun ramai pegawai-pegawai yang akan bertindak kelak tetapi kalau sekiranya pembekal-pembekal elektrik itu kurang, saya percaya penjenayah-penjenayah yang akan melakukan perkara itu ramai juga, dengan sebab orang-orang yang mengalami kerosakan elektrik di rumah ataupun di kawasannya tentulah mencari jalan supaya memperbaiki kerosakan elektrik yang ada itu walaupun tidak menerusi pembekal-pembekal yang berlesen. Dengan sebab itu patutlah pihak Jabatan elektrik menimbang semula supaya ada pembekal-pembekal elektrik yang berlesen di dalam tiap-tiap kampung selain daripada tiap-tiap bandar.

Sekianlah, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.11 ptg.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang Dipertua, saya bangun mohon izin untuk bercakap memberi sedikit ulasan berkenaan Rang Undang-undang Jemaah Pemeriksaan Letrik, 1982 yang telah dibentangkan oleh Menteri yang berkenaan sebentar tadi.

Saya rasa Rang Undang-undang Jemaah Pemeriksa Letrik ini memang sudah sepatutnya ditubuhkan kerana ianya bukan sahaja untuk mengawal kegunaan elektrik di negara kita ini tetapi juga memberi kuasa yang lebih luas berhubung dengan selenggaraan elektrik ini.

Tuan Yang Dipertua, saya hanya menyentuh dua perkara sahaja iaitu

yang pertama tentang kemasukan bekalan elektrik ke kampung-kampung, ke rumah-rumah di luar bandar. Kita tahu sekarang ini Kerajaan kita telah dan sedang menjalankan lagi beberapa projek bekalan api elektrik ke rumah-rumah rakyat kita di luar bandar. Di dalam perkara ini terdapat beberapa kerumitan dalam hal pelaksanaan kemasukan bekalan elektrik itu ke rumah-rumah ataupun ke kampung-kampung yang saya sebutkan tadi. Kadangkala projek tersebut lambat dapat dilaksanakan oleh halangan daripada tuan-tuan tanah tempat yang hendak dilalui oleh bekalan api elektrik ini.

Tuan Yang Dipertua, apa yang saya maksudkan di sini bukan masalah tanah. Masalah tanah kepada tuan punya tanah yang hendak dilalui oleh bekalan api elektrik ini memanglah tidak ada masalah, hanya ialah tentang daripada pokok-pokok kepunyaannya sendiri yang tidak boleh dipotong ataupun ditutup dahannya itu untuk dimasukkan wayar elektrik itu ke rumah-rumah yang akan dilalui, yang akan diminta, yang akan dipasang oleh Kerajaan kita. Jadi kadang-kadang kalaulah satu kampung, satu tempat itu ada 30 buah rumah telah diluluskan, kemudian di antaranya 20 buah rumah telah dapat dilalui tetapi masuk ke rumah yang ke 21, 22 dan 23 tak dapat lalui, sebab melalui barangkali pokok yang besar yang mendatangkan hasilnya. Jadi dia tak bagi usik, tak bagi potong dan boleh menyebabkan tergendala. Jadi apakah salahnya kalau boleh pihak L.L.N. kita memberikan sedikit bayaran sugu hati kepada tuan-tuan punya tanah untuk membenarkan pokok-pokok tadi supaya dipotong bagi dilalui oleh wayar elektrik ini. Ini bukan masalah tanah, hanya masalah pokok tanam-tanaman.

Yang kedua, dari segi keselamatan pengguna-pengguna elektrik ini oleh kerana bekalan elektrik ini telah

sampai ke kampung-kampung, ke bandar-bandar, maka tentulah dari segi keselamatan patut juga kita mengawasi ataupun mengawalinya. Kita tidak boleh hanya dengan memadai dengan cara penerangan risalah-risalah daripada pihak L.L.N. kepada pengguna-pengguna di kampung-kampung kerana kadangkala orang-orang kampung kita mereka tak membaca risalah-risalah itu dan boleh juga menjadi kemudaratannya bagi mereka itu.

Jadi apa yang saya maksudkan apakah salahnya pihak L.L.N. kita memberikan penerangan ataupun secara ceramah kepada pengguna-pengguna elektrik di luar bandar itu berhubung dengan cara-cara keselamatan dan barangkali kalau telah terjadi wayar itu putus macam mana hendak dibuat dan kalau hendak menyelamatkan orang yang sudah terkena karan macam mana pula supaya bersedia lagi kepada orang-orang kita terutama sekali yang saya maksudkan pengguna-pengguna yang di luar bandar ini.

Jadi itulah sahaja, Tuan Yang Dipertua, sebanyak dua perkara dan saya menyokong Rang Undang-undang Jemaah Pemeriksa Letrik, 1982 ini diluluskan.

5.16 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:

Tuan Yang Dipertua, saya minta izin untuk membuat pembetulan di atas kesilapan ucapan saya tadi. Sebenarnya ialah DR. 25/82 yang saya hendak bahaskan tadi oleh kerana ketiga-tiga Bil ini terderet sekali saya terambil oleh itu saya minta izin yang sebenar isinya sama. Saya menyokong di atas Rang Undang-undang Jemaah Pemeriksa Letrik, 1982 ini. Yang saya persoalkan tadi ialah Undang-undang Letrik (Sabah), oleh itu saya minta pembetulan daripadanya bila jawapan dibuat oleh Yang Berhormat Menteri nanti.

5.57 ptg.

Datuk Clarence E. Mansul: Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dalam perbahasan atas Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita di Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu juga saya ingin mengambil kesempatan di sini mengatakan bahawa pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tadi adalah berlainan sedikit daripada Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita. Apa yang saya telah jelaskan tadi ialah Rang Undang-undang yang saya kemukakan ini adalah sebahagian daripada fungsi L.L.N. yang ada sekarang dan dikeluarkan fungsi ini supaya diadakan satu jabatan khas dan L.L.N. ditugaskan bagi menjana dan mengagih bekalan elektrik ke seluruh negara.

Tuan Yang Dipertua, fungsi-fungsi yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini adalah termaktub dalam Fasal 4 dalam Rang Undang-undang ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah membaca fungsi-fungsi yang tercatat di sana yang mana menerangkan dengan sendirinya. Apa yang kita maksudkan daripada jabatan yang akan ditubuhkan nanti apabila Rang Undang-undang ini telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Pada masa sekarang seperti saya katakan tadi fungsi-fungsi ini adalah dijalankan oleh L.L.N. dan juga L.L.S. dan SESCO dan dalam undang-undang ini kita dapat mencantumkan ketiga-tiga fungsi badan yang dijalankan masing-masing ini supaya menjadi satu jabatan. Jadi apa yang saya dapati dalam perbahasan tadi, ialah berkenaan dengan L.L.N. yang mana seperti Yang Berhormat Senator Abdul Razak tadi mengatakan minta Kerajaan untuk memperluaskan lagi pelaksanaan rancangan bekalan elektrik ke luar bandar. Ini

memanglah seperti yang kita tahu sedang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, walaupun perbahasan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah berlainan sedikit daripada apa yang saya katakan, tetapi saya cuba di sini untuk menjawab dengan seberapa boleh dan kalaulah saya tidak dapat menjawab satu persatu, Kementerian saya akan diberi arahan untuk mengambil perhatian dengan sepenuhnya dan mengambil tindakan di mana yang boleh.

Berkenaan dengan gangguan elektrik dan lambat pegawai-pegawai datang membetulkan memang kejadian seperti ini terdapat di beberapa tempat, tetapi ini bukan disengajakan, kadangkala gangguan itu disebabkan oleh perkara yang susah kita cari, kadang-kadang kejadian itu berlaku pada malam dan yang mana pegawai-pegawai sentiasa mencari punca di mana kegagalan elektrik itu berlaku. Demikian juga dengan perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Ismail bin Hashim yang mengatakan sepatutnya L.L.N. membayar kepada tanah yang dilalui oleh bekalan elektrik terutama sekali di negerinya, negeri Melaka yang mana mempunyai tanah yang sangat sempit.

Memang L.L.N. berdasar untuk membayar tempat yang dilaluinya, tetapi ini tidak termasuk kepada dua rantai yang dikatakan tidak selamat daripada kita mendirikan bangunan, tetapi walau bagaimanapun tempat yang seluas demikian bolehlah diguna untuk bercucuk tanam, tuanpunya tanah itu tidak diganggu untuk bercucuk tanam di sana kecuali tanaman itu tanaman yang tinggi dan mengganggu pula dawai elektrik dan menjadi satu merbahaya kepada orang ramai dan ini tentu kita tidak galakkan. Tetapi walau bagaimanapun kalau tanah sesempit demikian dan tidak boleh digunakan untuk apa-apa

jua pun termasuk tanaman-tanaman, kita sentiasa akan menimbang kalaulah tuannya tanah itu memohon meminta bayaran dengan sepenuhnya daripada pihak L.L.N.

Berkenaan dengan deposit yang dikatakan oleh salah satu daripada Yang Berhormat itu memanglah seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bekalan elektrik adalah satu bekalan kepada pengguna-pengguna. Ini memang adalah satu punca kewangan kepada Lembaga Letrik Negara dan kalaulah tidak ada surety, kadangkala pengguna itu lari sahaja daripada rumah kediamannya tanpa membayar elektrik. Dengan adanya deposit di sana kita dapati bahawa bil-bil yang tidak dibayar bolehlah dipotong daripada deposit itu dan kalaulah dia kembali kemudian meminta depositnya ataupun baki daripada depositnya kita sentiasa akan membayar balik.

Berkenaan dengan meter yang ada dalam rumah dan apabila pembaca meter itu datang ke rumah dan tuan punya rumah itu tidak ada di dalam rumah dan telah pun diterangkan bahawa kadangkala pihak Lembaga Letrik terus pula memotong bekalan elektrik itu walaupun tidak ada bil diterima. Saya kurang pasti perkara demikian berlaku, tetapi apa yang saya tahu ialah kalaulah seorang ataupun penghuni rumah itu tidak ada dalam rumah, pembaca meter itu cuba juga datang kemudian ataupun dia membuat kiraan yang agak-agak, dan kalaulah tuannya rumah itu tidak setuju dengan bacaan agak-agak itu bolehlah dia berhubung dengan pihak Lembaga Letrik. Tetapi kalaulah bil itu tidak diterima, saya kurang pasti dan kalaulah ada kejadian demikian dan melambatkan pemotongan tanpa bil ataupun tanpa amaran, suka saya memohon Yang Berhormat mengemukakan perkara ini kepada Lembaga Letrik yang berhampiran supaya perkara ini dapat disiasat dan

dibetulkan. Memang kita tidak mengganggu pengguna-pengguna, kalaulah kejadian demikian berlaku, saya memohon kenyataan yang lebih terang daripada Yang Berhormat supaya kita dapat menyasat.

Tuan Yang Dipertua, sekianlah sahaja dan seperti yang saya katakan tadi saya cuba juga mengambil perkara-perkara yang telah dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu kerana walaupun ia tidak bersangkutan dengan Bil yang ada di hadapan kita yang mana tujuan asalnya adalah menarikkan separuh daripada kuasa-kuasa L.L.N. atau L.L.S., namun demikian perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu akan diambil perhatian dan akan dikemukakan kepada pihak L.L.N. untuk disiasat ataupun dikaji dan diperbetulkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 42 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PEMBEKALAN LETRIK SARAWAK

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.30 ptg.

Datuk Clarence E. Mansul: Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak 1982 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menubuhkan suatu Perbadanan bernama Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak atau dalam Bahasa Ingerisnya, dengan izin, Sarawak Electricity Supply Corporation (kemudian dari ini disebut "Perbadanan") yang akan bertanggungjawab ke atas penjanaan dan pembekalan tenaga elektrik di Negeri Sarawak.

Penubuhan Perbadanan ini adalah perlu memandangkan bahawa Perbadanan yang ada sekarang iaitu SESCO merupakan sebuah Perbadanan Kerajaan Negeri, dan SESCO ini perlu dibubarkan berikutan dari persetujuan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak untuk menyerahkan balik penurunan kuasa yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri Sarawak mengenai penjanaan dan pengagihan elektrik. Bagi membolehkan cadangan ini dilaksanakan suatu perintah pemansuhan akan dibentangkan dalam Parlimen.

Dengan mula berkuatkuasanya perintah pemansuhan tersebut, adalah dicadangkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk memansuhkan Ordinan Pembekalan Letrik Sarawak 1963 yang telah menubuhkan Perbadanan Negeri bernama Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak (kemudian dari ini disebut SESCO) yang sedang berkuatkuasa sekarang. Oleh yang demikian, Perbadanan yang bakal ditubuhkan menurut Undang-undang Persekutuan ini nanti akan menggantikan SESCO yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak itu.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, penjanaan dan pengagihan elektrik (kecuali yang menggunakan kuasa air atau hidro) adalah dalam senarai Persekutuan menurut Perlembagaan Malaysia. Walau bagaimanapun, semasa penubuhan Malaysia dahulu, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan kuasanya berkaitan dengan perkara-perkara tersebut kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk dilaksanakan.

Setelah berunding dengan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk menerima balik perwakilan kuasa yang telah diberikan itu. Ini bermakna bahawa kuasa perundangan mengenai penjanaan dan pembekalan elektrik akan dipindahkan kepada Kerajaan Persekutuan dan seterusnya Kerajaan Persekutuan akan bertanggungjawab penuh mengenai penjanaan dan pengagihan tenaga elektrik di Negeri Sarawak. Memandangkan bahawa kuasa mengenai penjanaan elektrik dan pengagihannya adalah merupakan senarai Persekutuan dan memandangkan juga bahawa pembekalan elektrik pada masa ini perlu diperluaskan lagi ke pelusuk negara bagi memenuhi hasrat Kerajaan untuk memperbaiki keadaan hidup rakyatnya serta bagi

mbolehkan perusahaan-perusahaan diperluaskan lagi ke seluruh negara, maka pemindahan kuasa ini adalah difikirkan perlu untuk dilaksanakan.

Dalam melaksanakan hasrat Kerajaan untuk mengadakan pembekalan elektrik yang lebih rapi dan tersusun bagi memenuhi keperluan bekalan elektrik di seluruh negara, maka perancangan dalam pembekalan elektrik ini tidak seharusnya diserahkan kepada sesebuah Kerajaan Negeri dan ini perlu diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan sendiri, lebih-lebih lagi di akhir-akhir ini krisis minyak telah menimbulkan banyak kesulitan bagi Perbadanan yang menjalankan perusahaan pembekalan elektrik yang bergantung semata-mata kepada minyak. Bagi mengurangkan pengantungan negara kepada minyak ini juga, Kerajaan Persekutuan telah mengadakan "Four Fuel Strategy" iaitu satu strategi memperbagaikan sumber tenaga dengan menggunakan arang batu, gas asli dan membangunkan semua potensi haidro yang terdapat di negara ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Sarawak mempunyai potensi yang besar dalam projek haidro yang perlu dieksploitasikan untuk kegunaan seluruh negara memandangkan harga minyak yang tinggi sekarang ini. Perlaksanaan projek-projek haidro ini pula memakan belanja yang besar dan dengan ini adalah menasabah sekiranya bebanan untuk memajukannya dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, pengubalan Rang Undang-undang ini telah berasaskan kepada pembekalan-pembekalan yang sedia ada dalam Ordinan Elektrik Bab 137 Sarawak (kemudian dari ini disebut Ordinan Elektrik) dan Ordinan P.P.L.S. dengan pindaan

yang sedikit sahaja kepada ordinan-ordinan berkenaan. Pindaan-pindaan yang sedikit ini difikirkan perlu bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan memainkan peranan yang lebih besar lagi dalam Perbadanan yang bakal ditubuhkan itu.

Tuan Yang Dipertua, saya suka menegaskan di sini bahawa pemindahan kuasa ini tidak akan menjejaskan kedudukan pegawai dan kakitangan SESCO yang ada sekarang. Ini adalah kerana mereka akan terus berkhidmat dengan Perbadanan dan dibenarkan menikmati apa-apa kemudahan yang sedang diterima oleh mereka sebelum ini dengan SESCO. Ini telah pun diperuntukkan dalam Klausa 49 Rang Undang-undang ini. Cuma perbezaan yang ada hanyalah dari segi taraf mereka sahaja iaitu mereka tidak lagi dianggap sebagai pegawai dan kakitangan sebuah Perbadanan Negeri akan tetapi merupakan pegawai dan kakitangan sebuah Perbadanan Persekutuan apabila berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini kelak.

Walau bagaimanapun, oleh kerana terdapat sedikit sebanyak perbezaan dari segi peraturan-peraturan dan syarat-syarat perkhidmatan yang diikuti oleh Negeri Sarawak berbanding dengan peraturan dan syarat-syarat yang diikuti oleh Kerajaan Persekutuan, maka perlantikan pegawai dan kakitangan baru selepas berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang Dipertua, sukalah juga saya memaklumkan di Dewan yang mulia bahawa untuk menjaga kepentingan Kerajaan Negeri dan juga sebagai tanda keikhlasan di samping memupuk semangat kerjasama serta menjaga hubungan yang baik di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, maka telah

diperseetujui bahawa Kerajaan Persekutuan akan membayar pampasan kepada Kerajaan Negeri. Ini jelas diterangkan dalam Klausa 46 Rang Undang-undang ini. Bayaran pampasan ini adalah untuk semua aset dan harta yang dimiliki oleh SESCO termasuk penyertaan ekuiti Kerajaan Negeri dalam SESCO. Di samping itu juga Kerajaan Persekutuan akan menanggung ke atas segala pinjaman wang yang telah dibuat oleh SESCO termasuk pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada SESCO.

Untuk membolehkan soal bayaran pampasan dan lain-lain yang berkaitan dengan pemindahan ini diselesaikan, Kementerian saya telah pun menubuhkan suatu Jawatankuasa peringkat pegawai yang terdiri dari wakil-wakil Kerajaan Negeri, Kementerian Kewangan Persekutuan dan juga wakil-wakil dari Kementerian saya.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini mengandungi 8 bahagian, iaitu sebagaimana yang tercatat dalam Rang Undang-undang yang ada di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, adalah difikirkan perlu bagi Rang Undang-undang ini diadakan untuk membolehkan Perbadanan ini dijadikan sebagai Perbadanan Persekutuan berikutan dengan pemindahan kuasa mengenai elektrik dari Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

Saya dengan ini mohon mencadangkan.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat

peruntukan mengenai penubuhan Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak, mengenai fungsi-fungsi Perbadanan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.40 ptg.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang Dipertua, saya bangun bagi menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak, 1982 di hadapan Dewan sekarang yang mana penjelasannya telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan untuk mendapat kelulusan Dewan yang mulia ini.

Oleh itu izinkan saya bercakap sepatah dua kata bagi mengalu-alukan kedatangan Rang Undang-undang ini bagi kebaikan tadbiran Perbadanan berkenaan khususnya untuk kepentingan semua pihak yang terlibat dengan pembekalan elektrik di Sarawak. Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini segala sesuatu perkara berkaitan dengan elektrik negeri Sarawak secara langsung menjadi sebuah perbadanan di bawah tadbiran Kerajaan Pusat sama dengan taraf yang diberi kepada Lembaga Letrik Negara.

Saya yakin kedatangan Rang Undang-undang ini sudah pasti dapat memberi perubahan yang baik sejajar dengan maksud sebuah negeri yang masih lagi jauh ketinggalan di berbagai bidang. Atas kemurahan hati pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat bersedia membayar apa-apa pampasan kepada Kerajaan Negeri Sarawak sebagaimana persetujuan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak, atas pertimbangan ikhlas yang diberi oleh pihak Kerajaan Pusat, kami rakyat di negeri Sarawak terlebih dahulu mengucapkan terima kasih, semoga apa yang kami

harapkan dapat menjadi satu kenyataan untuk jangka panjang.

Dengan adanya Perbadanan ini saya berharap segala pembangunan bekalan elektrik untuk daerah luar bandar dapat dipercepatkan lagi; di mana daerah yang telah ada mendapat bekalan tenaga elektrik supaya diperbesarkan janakuasa elektrik bagi kepentingan rakyat yang telah lama menunggunya. Mengikut keadaan di bawah tadbiran Perbadanan Letrik Sarawak atau SESCO sekarang, begitu lambat sekali untuk memenuhi kehendak rakyat sehingga wayar elektrik telah dipasang di dalam rumah bertahun-tahun lamanya tetapi malangnya bekalan tenaga elektrik belum lagi dapat disalurkan kepada rakyat. Mengikut apa yang saya difahamkan penjanakuasa di tempat yang berkenaan itu tidak berkemampuan untuk membekal tenaga yang dikehendaki itu. Saya yakin di bawah tadbiran Perbadanan baru ini segala sesuatu kesukaran atau kelemahan yang dialami oleh SESCO dapat diatasi. Dan kami berharap juga harga bayaran tenaga seperti sekarang ini apa yang saya difahamkan di negeri Sarawak lebih mahal jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung. Apa yang sepatutnya pada pandangan rakyat, sebagai sebuah negeri yang mengeluarkan bahan bakar atau minyak, harga tenaga yang diperlu oleh rakyat jelata untuk kepentingan rumah dan perusahaan kecil yang menggunakan tenaga elektrik hendaklah diberi pertimbangan. Harga tenaga elektrik dapat dikurangkan sedikit sebagai satu hadiah kepada negeri yang mengeluarkan hasil minyak, lebih-lebih lagi apabila siapnya tenaga elektrik yang dikeluarkan dengan menggunakan hidroelektrik.

Di negeri Sarawak juga seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, di mana gas cecair terdapat begitu banyak. Saya yakin Perbadanan ini

nanti dapat mencari jalan supaya gas yang dibuang begitu sahaja di Bintulu itu dapat digunakan, umpamanya untuk kegunaan dapur, memasak dan sebagainya bagi menjimatkan lagi tenaga yang digunakan seperti sekarang ini untuk memasak dan lain-lain lagi. Mungkin juga harga menggunakan gas cecair itu lebih murah lagi jika dibandingkan dengan menggunakan tenaga elektrik.

Tuan Yang Dipertua, saya sangat sukacita melihat yang tercatat dalam Rang Undang-undang ini hasratnya untuk memaju dan menggalakkan penjana tenaga dengan tujuan hendak membangunkan ekonomi negeri Sarawak khususnya dan Malaysia pada amnya. Inilah peluang kami rakyat di negeri Sarawak tungguttunggukan supaya sedikit sebanyak dapat menikmati rahmat pemberian Tuhan kepada bumi negeri Sarawak yang masih lagi mundur sekarang ini. Dengan cara kebetulan juga Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang bertanggungjawab bagi mengwujudkan Rang Undang-undang ini adalah anak tumpah darah negeri Sarawak yang mempunyai pengalaman luas dan mengetahui segala sesuatu apa-apa yang patut hendak dibuat untuk membangunkan rakyat yang kurang bernasib baik di tanahair sendiri. Atas pertimbangan yang wajar oleh Yang Berhormat Menteri ini nanti bagi melantik anggota-anggota Perbadanan seperti dikehendaki dalam Rang Undang-undang ini, tentulah dari orang-orang yang berkebolehan dan jujur serta mempunyai tanggungjawab kepada bangsa dan negara seluruhnya. Saya berkeyakinan kepada pegawai-pegawai mahupun kakitangan yang ditukar dari perkhidmatan Pertubuhan kepada perkhidmatan Perbadanan ini merasa senang hati kerana segala sesuatu syarat perkhidmatan telah diberi jaminan seperti diterangkan dengan jelasnya dalam Rang Undang-undang ini. Apa yang diharapkan oleh

semua rakyat berkenaan, pegawai-pegawai dan kakitangan Perbadanan ini nanti dapat memberi perkhidmatan yang lebih cergas dan berkesan lagi.

Tuan Yang Dipertua, sekianlah ucapan saya, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.46 ptg.

Datuk Clarence E. Mansul: Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Haji Latip bin Haji Dris dengan pandangan-pandangan serta harapannya berkenaan dengan Perbadanan yang bakal ditubuhkan ini. Segala pandangan dan juga cadangannya itu akan dikaji dan dilaksanakan di mana yang boleh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila Perbadanan ini ditubuhkan kelak, satu daripada tugasnya yang utama ialah mengkaji segala-galanya yang ada daripada SESCO yang diambil alih itu, dan masalah-masalah tentulah didapati oleh Jawatankuasa ini dan juga seterusnya Lembaga baru yang akan menjalankan Perbadanan ini akan cuba mengatasi dengan seberapa boleh dan dengan keupayaan yang ada daripada Kerajaan Persekutuan khasnya daripada Kementerian saya. Saya juga bersama-sama dengan Yang Berhormat mempunyai penuh keyakinan daripada pegawai-pegawai SESCO yang ada sekarang supaya mereka yang diharap-harapkan akan melipatgandakan usaha mereka meneruskan cita-cita kita supaya pengambilan alih kuasa daripada SESCO ini daripada Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan akan berjalan dengan lebih licin dan juga matlamat kita daripada pihak Kerajaan Persekutuan akan dapat dicapai. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis

bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 54 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA LETRIK SABAH

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.52 ptg.

Datuk Clarence E. Mansul: Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta Letrik Sabah 1982 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menubuhkan suatu Perbadanan bernama Lembaga Letrik Sabah atau dalam Bahasa Inggerisnya Sabah Electricity Board yang akan bertanggungjawab atas perijanaan dan pengagihan tenaga elektrik di negeri Sabah.

Sebagaimana juga dengan Rang Undang-undang Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak yang telah diluluskan oleh Dewan ini

sebentar tadi, penubuhan Lembaga ini adalah perlu memandangkan Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk memansuhkan melalui suatu perintah pemansuhan, setelah merundingkan dengan Kerajaan Negeri Sabah, berhubung dengan perwakilan kuasa perundangan mengenai perkara elektrik dan pengagihan gas yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah menurut perintah Negeri-negeri Borneo (Kuasa-kuasa Perundangan) 1963.

Dengan mula berkuatkuasanya perintah pemansuhan itu, adalah dicadangkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memansuhkan Enakmen Lembaga Letrik Sabah 1981 (kemudian dari ini disebut Enakmen S.E.B.) yang telah menubuhkan Perbadanan bernama Lembaga Letrik Sabah (kemudian dari ini disebut S.E.B.). Oleh yang demikian Lembaga yang akan ditubuhkan menurut undang-undang Persekutuan ini adalah dicadangkan menjadi pengganti kepada S.E.B. yang telah ditubuhkan dan dijangka akan dibubarkan menurut undang-undang negeri Sabah.

Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang saya terangkan sewaktu membahaskan Rang Undang-undang pembekalan elektrik Sarawak, penjana dan pengagihan elektrik (kecuali yang menggunakan air atau hidro) adalah dalam senarai Persekutuan menurut Perlembagaan Malaysia. Walau bagaimanapun, bagi negeri Sabah Kerajaan Persekutuan telah pun mewakili kuasa perundangan berkaitan dengan perkara-perkara tersebut kepada Kerajaan Negeri semasa penubuhan Malaysia dahulu.

Setelah berunding dengan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk menerima balik kuasa yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah berhubung dengan

pembekalan dan pengagihan elektrik. Ini bermakna bahawa kuasa perundangan mengenai perkara ini akan dipindahkan dari Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan seterusnya Kerajaan Persekutuan akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya mengenai pembekalan elektrik di negeri Sabah.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan untuk memperluaskan lagi pembekalan elektrik ke seluruh negara bagi memenuhi hasrat Kerajaan untuk memperbaiki keadaan hidup rakyat dan membolehkan juga perusahaan-perusahaan diperluaskan lagi ke seluruh pelusuk negara. Ke arah ini dan sesuai dengan perbekalan yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia maka difikirkan bahawa masanya sudahlah tiba bagi kuasa yang telah diperturunkan kepada Kerajaan Negeri itu dipindahkan balik kepada Kerajaan Persekutuan. Ini ditambah pula dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan suatu perancangan yang sempurna dan rapi dalam mengadakan bekalan elektrik di seluruh negara.

Bagi membolehkan pemindahan kuasa ini dilaksanakan, maka Perbadanan yang sedang menjalankan kegiatan pembekalan dan pengagihan elektrik di Sabah sekarang ini iaitu S.E.B. haruslah dijadikan sebuah Perbadanan Persekutuan. Dalam hal ini Kerajaan Persekutuan berpendapat bahawa cara yang paling sesuai menjadikan S.E.B. sebagai Perbadanan Persekutuan ialah dengan menggubal Rang Undang-undang yang baru sebagaimana yang sedang dibentangkan sekarang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penggubalan Rang Undang-undang ini telah dibuat berasaskan kepada perbekalan-perbekalan yang sedia ada dalam Ordinan Letrik Bab 40 Sabah (kemudian dari ini disebut Ordinan Letrik) dan Enakmen S.E.B. dengan

pindaan yang sedikit sahaja kepada Ordinan dan Enakmen yang berkenaan. Pindaan yang sedikit ini adalah perlu untuk membolehkan Kementerian saya memainkan peranan yang lebih besar lagi apabila S.E.B. dipindahkan sebagai Perbadanan Persekutuan kelak.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana halnya dengan Rang Undang-undang Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak 1982, pemindahan S.E.B. ini juga kelak tidak akan menjejaskan kedudukan pegawai dan kakitangan S.E.B. yang sedia ada. Ini adalah kerana mereka akan terus berkhidmat dengan Lembaga dan dibenarkan menikmati apa-apa kemudahan yang sedang diterima oleh mereka sekarang dengan S.E.B. Cuma perbezaan yang ada ialah dari segi taraf mereka sahaja iaitu dengan berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini kelak mereka adalah tidak lagi dianggap sebagai pegawai dan kakitangan sebuah Perbadanan Negeri, akan tetapi merupakan sebagai pegawai dan kakitangan sebuah Perbadanan Persekutuan.

Sungguhpun begitu, oleh kerana terdapat sedikit sebanyak perbezaan dari segi peraturan dan syarat-syarat perkhidmatan yang diikuti oleh Negeri Sabah, berbanding dengan yang diikuti oleh Kerajaan Persekutuan, maka perlantikan pegawai-pegawai dan kakitangan baru selepas berkuatkuasa pemindahan ini kelak adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang Dipertua, suka saya juga memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa untuk menjaga kepentingan negara dan juga sebagai tanda keikhlasan di samping memupuk semangat kerjasama serta menjaga hubungan yang baik di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, maka telah

dipersetujui bahawa Kerajaan Persekutuan akan membayar pampasan kepada Kerajaan Negeri. Ini telah dinyatakan dalam klausa 67 Rang Undang-undang ini. Bayaran pampasan ini ialah bagi semua aset dan harta yang dimiliki oleh S.E.B. termasuk equiti Kerajaan Negeri Sabah dalam S.E.B. Di samping itu juga Kerajaan Persekutuan akan menanggung segala pinjaman wang yang dibuat oleh S.E.B. termasuk pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Dalam hal ini Kementerian saya telah menubuhkan suatu jawatankuasa yang terdiri dari wakil Kerajaan Negeri Sabah, Kementerian Kewangan Persekutuan dan juga wakil-wakil dari Kementerian saya untuk menyelesaikan soal-soal bayaran pampasan ini serta lain-lain hal yang berkaitan dengan pelaksanaan pemindahan kuasa ini.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini mengandungi 8 bahagian sebagaimana yang terkandung dalam Rang Undang-undang yang ada di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang.

Memandangkan kedudukan di atas, Tuan Yang Dipertua, adalah difikirkan perlu bagi Rang Undang-undang ini dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini supaya S.E.B. yang sekarang ini merupakan Perbadanan Negeri dapat dipindahkan dan dijadikan Perbadanan Persekutuan sejajar dengan keputusan Kerajaan Persekutuan untuk menerima balik penurunan kuasa yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah berkaitan dengan pembekalan dan pengagihan elektrik.

Saya dengan ini mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan suatu Lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Letrik Sabah dan mengenai perjalanan dan pelaksanaan oleh Lembaga yang fungsi-fungsi berhubungan dengan bekalan elektrik dan lain-lain perkara tertentu dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.02 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang Dipertua, saya bersama-sama pada petang ini mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Sabah dan Kerajaan Sarawak kerana persetujuannya memulang balik kuasa yang diberi mengikut Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan menjadikan sebuah perbadanan sebagaimana yang diaturkan di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang.

Tuan Yang Dipertua, saya masih ingat pada masa Jabatan Keretapi hendak melalui Pantai Timur pada awal-awal kurun ke-19 iaitu melalui Pahang dan ke Kelantan, Kerajaan Pahang pada masa itu bersetuju memberi tanahnya yang akan dilalui oleh keretapi yang dipanggil Keretapi Tanah Melayu dengan bayaran kalau tidak salah ingatan saya \$10 pada satu kawasan yang dilalui, dibayar oleh Jabatan Keretapi kepada Kerajaan Negeri Pahang pada masa itu dengan tujuan dan hasratnya supaya membolehkan Jabatan Keretapi atau Keretapi Tanah Melayu dapat melalui membuat landasan bagi menyenangkan rakyat yang susah perhubungannya terutama sekali negeri-negeri Pantai Timur daripada Gemas ke Kota Bharu. Jadi Kerajaan Negeri pada masa itu memberi pampasan yang agak kecil dengan

hasrat supaya kemewahan dan kemudahan itu dapat diatasi dan dirasai nikmatnya oleh rakyat dalam negeri ini.

Pada saya, Tuan Yang Dipertua, cerita yang saya buat itu adalah satu tauladan kepada Kerajaan Sarawak apabila berkira pampasan hendaklah mengambil kira juga faedah yang didapati daripadanya kepada rakyat Sarawak sendiri. Kita tahu, Sarawak mempunyai banyak kawasan sungai yang mengalir dengan jeramnya yang boleh dibuat mini hidro dengan tidak payah menggunakan kuasa minyak dan kita percaya kekayaan ini ada pada negeri Sarawak. Dan kalau sekiranya boleh dijadikan dan dibuat dari satu masa ke satu masa dengan cepat oleh pihak Lembaga Letrik Negara atau Perbadanan ini, jadi nikmat itu terulang kepada rakyat Sarawak sendiri.

Tuan Yang Dipertua, saya boleh menimbangkan keadaan pendalaman Sarawak itu sama dengan negeri saya, negeri Pahang tetapi tidak ada apa hendak diberi lagi kepada L.L.N. Cuma L.L.N. minta hendak buat Empangan Tembeling sahaja. Tetapi ditentang sebagaimana yang saya telah sebut pada masa perbincangan yang lalu bahawasanya tersembunyi segala kekayaan bahan sejarah, jadi saya mohon dan janglah L.L.N. melangsungkan rancangan ini pada hal L.L.N. sendiri juga tidak setuju kerana kosnya mahal. Tetapi di negeri Sarawak, Tuan Yang Dipertua, kerana masih banyak bahan-bahan yang boleh dibuat demi kebajikan kepada rakyat boleh dilalui, jadi saya mohonlah kepada Kerajaan Negeri Sarawak sendiri menimbangkan pampasan yang kelak dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri itu hendaklah secara persaudaraan, secara timbang terima kasih sayang. Sebab ada kata pepatah: "Kalau sudah cinta, maka cinta itu buta." Semangat inilah saya mohon

kepada Kerajaan Sarawak mempunyai kasih sayang kepada Kerajaan Persekutuan supaya menilaikan pampasan dengan nilai yang kurang, lebih-lebih lagi sekarang ini, kerana negeri kita mengalami kemelesetan, Kerajaan tidak hendak menjadikan satu perkara yang boleh merosakkan perhubungan di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Sarawak apabila perbadanan ini ditubuhkan kelak.

Sebagaimana contoh yang saya katakan tadi, saya sebut bagaimana Keretapi Tanah Melayu hendak melalui negeri Pahang diberi subsidi yang paling kecil \$10 sahaja tanahnya, apa salahnya Kerajaan Sarawak misalnya demi kebaikan bersama menimbangkan pampasan ini dengan harga yang agak rendah, mudah-mudahan daripada itu L.L.N. akan membuat atau Perbadanan Letrik Sarawak akan melakukan untuk kebajikan api elektrik yang lebih baik bagi negeri Sarawak.

Tuan Yang Dipertua, pada setengah-setengah orang yang merasai nikmat api 24 jam, sebab dunia sekarang diatasi oleh kuasa elektrik bagi menjayakan semua rancangan perniagaan dan sebagainya tetapi pada rakyat yang merasai tidak ada elektrik, ataupun menerima elektrik luar bandar 12 jam sahaja, hendak tengok sangat rancangan TV pukul 5.00 petang bila ada perlawanan bola sepak antarabangsa di sana sini, tetapi bagi pihak orang-orang di pendalaman, tidak ada peluang. Punya hampa hati, tetapi mengenangkan Kerajaan mempunyai tanggungjawab yang lebih tidak apalah hanya bersabar sehingga sampai masanya. Jadi inilah dia penanggungan sama juga penanggungan daripada rakyat Sabah dan Sarawak ataupun rakyat pendalaman Malaysia di setengah-tengah tempat.

Yang kedua, apabila persetujuan Kerajaan Negeri membenar untuk

mengambil balik kuasa-kuasa yang diberi menurut Perlembagaan maka tertubuhlah Perbadanan ini kelak janganlah L.L.N. pula simpan sahaja dengan tidak ada progresif maknanya Kerajaan Negeri lebih progresif tetapi apabila Perbadanan ini dalam tangan Kerajaan Persekutuan kemajuannya slow sedikit. Kita harap janganlah kira rugi berapa juta sehari—kita buatlah sedikit khairat, sebab Islam kata seorang sahabat saya ini ialah amalan yang berkekalan, Islam menunjuk kepada kebaikan, kemurahan dan sebagainya. Saya berharap Perbadanan ini nanti akan membuat kebaikan kepada Sarawak lebih progresif, lebih maju, lebih tegas daripada yang ada pada Sarawak sendiri pada masa dia memegang kuasa SEB dulu.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu saya cuma hendak bercakap soal kenaikan pangkat kakitangan. Saya bersyukur kepada Tuhan, kepada Yang Berhormat Menteri bahawasanya kenaikan pangkat kakitangan akan dimasukkan di dalam Perbadanan ini, akan tetapi dalam masa kita melaksanakan kenaikan pangkat ini kadang-kadang akan kita isi orang Persekutuan lebih banyak daripada orang Sarawak sendiri. Dan ini merupakan satu perkara yang akan melukakan hati rakyat Sabah dan Sarawak sendiri. Jadi, kalau boleh, berilah peluang naik pangkat itu lebih diutamakan orang Sabah atau Sarawak sendiri apabila Perbadanan ini diluluskan kelak kecuali kalau-kalau tidak ada tempat yang boleh dipenuhi itu kita berilah kepada orang Persekutuan, iaitu orang yang datang daripada Kuala Lumpur. Dengan jalan itu, apabila tiba orangnya, ada yang sesuai, kita pulangkan balik, jadi rasa sefahaman ini akan mendalam, rasa kasih sayang ini terikat dengan mendalam.

Tuan Yang Dipertua, kadang-kadang orang membeli nenas, ada

orang juga menanam ubi. Bukan semua manusia memandang emas tetapi ada juga manusia yang memandang budi. Jadi, dengan cara ini, kita boleh menambat hati rakyat Sarawak, bukan sahaja satu hak negara yang diserahkan pada sekarang ini ke Kerajaan Pusat tetapi kalau boleh sekarang ini semua rancangan di Sabah dan Sarawak akan dikuasai oleh Kerajaan Persekutuan sama ada menubuhkan perbadanan dipulangkan balik itu supaya membolehkan semua rancangan berjalan dengan satu undang-undang.

Pada setengah-setengah negeri, di Sabah dan Sarawak, undang-undangnya belum diselaraskan perlaksanaan. Kita sudah 25 tahun merdeka dan 17 tahun Sabah dan Sarawak dalam Malaysia, ada setengah undang-undang itu masih kuatkuasa Kerajaan Negeri. Umpamanya kepentingan negeri itu dijaga lebih kuat. Jadi dengan kita buat begitu nanti Kerajaan Negeri berfikir bahawa keikhlasan itu nampak, jadi tidaklah ada perbezaan di antara kita dalam Malaysia ini sendiri, dalam sesebuah negeri dalam Malaysia ini ada diskriminasi, umpamanya, kita tidak boleh melawat di sana, mesti ada ini, ini, ini. Jadi kita rasa kita dalam Malaysia sendiri pun ada sekatan. Kita boleh pergi ke England dan boleh pergi ke negeri-negeri Komanwel tempoh sebulan tidak ada visa, tetapi ada setengah negeri dalam negeri sahabat kita kerana menjaga kepentingannya, sebab kita tidak jaga kepentingannya atau kita kurang menjaga kepentingannya kekhuatirannya timbul. Oleh sebab itu mereka boleh buat sekatan. Jadi, maknanya dalam negeri kita sendiri kita kenakan sekatan tetapi negeri luar, negara lain tidak ada sekatan. Dengan sebab sudah timbul rasa kasih sayang, kepercayaan antara satu dengan lain, kita harap banyak lagi perkara-perkara yang boleh berlaku kita dapat

berfakat sebagaimana rundingan dibuat antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan bagi menubuhkan Perbadanan ini.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak mengambil masa banyak, cuma saya mengingatkan dua tiga perkara dan kejayaan yang perlu dibuat bila dia sudah jadi Perbadanan, lebih progresif daripada masa dipegang oleh Sabah sendiri. Tentulah peranan ini akan diambil oleh Lembaga Letrik Negara atau Perbadanan Lembaga Letrik Sarawak bagi menasihati Perbadanan ini, umpamanya, Kerajaan Pusat lebih banyak membantu kewangan perbadanan yang diperlukan supaya tidak ada penindasan berlaku apabila pengambil-alihan pegawai-pegawai daripada yang dahulu diserapkan sekarang tidak ada diskriminasi, tidak semua dipegang oleh orang Persekutuan supaya timbul sebagaimana dikatakan tadi rasa kasih sayang.

Dan yang akhir saya merayu kepada Kerajaan Sabah janganlah mengenakan pampasan yang sangat tinggi, kalau boleh berpatutan sebab nikmat yang kita rasa bersama, sebab kita ini cubit peha kiri, peha kanan sakit. Kalau sekiranya Kerajaan Persekutuan ataupun Perbadanan ini kepicikan kewangan akan terasa oleh Kerajaan Persekutuan akan terasa oleh Kerajaan Sabah sendiri tetapi kalau sudah ada kasih sayang dan ada sefahaman yang itu kita mintalah supaya jangan mengenakan satu bayaran yang agak tinggi dan pampasan yang tinggi, berilah sedikit donation kepada Perbadanan Elektrik Sarawak, ada semangat dermawan kepada Kerajaan kita.

Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya dengan penuh dan rendah hati menyokong Bil ini diluluskan dan saya berharap ada banyak lagi Bil supaya berjalan dalam satu kuasa di negara kita ini yang kita timbulkan dalam Dewan ini.

6.16 ptg.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:

Tuan Yang Dipertua, saya ingin memberikan sedikit pandangan mengenai Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah 1982 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi. Sejak Lembaga Letrik Sabah ini ditubuhkan iaitu tidak kurang kemajuan-kemajuan yang telah dicapai dalam membekalkan tenaga kuasa elektrik di negeri Sabah, tetapi walau bagaimanapun, kerana keadaan kemajuan sesebuah negeri itu sangatlah pesat dan, terutama sekali pembangunan-pembangunan di luar bandar. Saya sangat-sangat mengalu-alukan supaya Lembaga Letrik Sabah ini diserapkan ke perbadanan Persekutuan, terutama sekali penglibatan Lembaga Letrik Negara yang mana saya percaya pegawai-pegawai daripada Lembaga Letrik Negara sudah tentu banyak mempunyai pengalaman-pengalaman yang terdahulu daripada Lembaga Letrik Sabah.

Baharu-baharu ini juga Pengurus Besar Lembaga Letrik Sabah adalah dipinjamkan daripada Lembaga Letrik Negara. Sebelum itu jawatan Pengurus Besar dan Ahli-ahli Lembaga Pengarahnya adalah terdiri daripada orang-orang Sabah sendiri. Jadi, dengan penyerapan beberapa pegawai daripada Lembaga Letrik Negara dan menyerapkan Lembaga Letrik Sabah kepada Perbadanan Persekutuan, saya yakin Lembaga Letrik Sabah akan berkembang lebih pesat lagi dengan pembangunan-pembangunan tenaga kuasa elektrik yang mana kawasan-kawasan di pedalaman negeri Sabah masih kekurangan. Walaupun kita telah mencapai kemerdekaan selama 25 tahun namun hampir separuh daripada kawasan-kawasan pedalaman di negeri Sabah belum menikmati bekalan tenaga elektrik. Ini adalah

kerana alasan penyelenggaraan yang begitu mahal dan sebagainya.

Bagi pendapat saya, Tuan Yang Dipertua, bekalan tenaga elektrik bukanlah merupakan satu bahan kemewahan. Ia pada masa sekarang adalah sebagai satu bahan tenaga yang menjadi keperluan kepada setiap manusia, setiap negara yang menggunakan tenaga elektrik. Demikian juga alasan-alasan daripada pihak Lembaga ialah kerana kos terlalu tinggi dan ini bagi pendapat saya tidaklah dijadikan sebagai alasan keadaan dunia yang sekarang memestikan pengguna tenaga elektrik. Tanpa ada tenaga kita tidak akan berada di Dewan yang mulia ini dengan menikmati hawa dingin, dengan suara yang boleh didengari daripada Dewan ini sehinggalah kepada kantin. Jadi, dengan adanya Lembaga Letrik Negara akan memberikan perkhidmatan yang lebih baik memanglah sangat-sangat dialu-alukan oleh sebuah negeri seperti Sabah yang mungkin masih terdapat kekurangan dalam pembekalan bahan tenaga. Dan soalnya penyerapan kakitangan, kenaikan pangkat bukanlah menjadi sebagai satu soalan penting kerana itu hanyalah berasaskan kepada perkhidmatan di dalam Lembaga semata-mata tetapi yang mustahaknya ialah kelicinan pentadbiran Lembaga Letrik Sabah ini di bawah pengelolaan Lembaga Letrik Negara dapat memuaskan dan memberikan perkhidmatan yang sangat-sangat diharapkan oleh negeri yang sangat memerlukan.

Tuan Yang Dipertua, kalau dikaji daripada usaha Kerajaan kita khasnya Kerajaan Pusat dan juga Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pernah membuat satu kenyataan dalam akhbar iaitu Joint ASEAN Electricity Supply Line iaitu Pembekalan Bersama Elektrik kepada beberapa buah negara-negara jiran kita. Ini menunjukkan bahawa kita

mempunyai bahan tenaga yang cukup. Tetapi seharusnya kita mestilah memenuhi dahulu keperluan tenaga elektrik dalam negara kita dan terutama sekali di negeri Sabah. Mungkin kerana Lembaga Letrik Sabah tidak dapat membawa bekalan elektrik memandangkan kedudukan kampung, rumah dan sebagainya yang sangat-sangat berjauhan antara satu dengan lain. Itulah Tuan Yang Dipertua, kepada saya soal kos ini bukanlah menjadi sebagai satu persoalan kerana kuasa tenaga elektrik ini adalah sebagai satu keperluan yang penting kepada negara kita kerana dengan adanya kuasa tenaga elektrik inilah dapat mendekatkan dunia kepada satu dunia dan kita manusia di dalam planet dunia ini juga dapat berhubung dengan angkasawan kita di angkasa lepas. Ini juga kerana kuasa tenaga.

Tuan Yang Dipertua, apa yang terdapat di sini iaitu sumber tenaga elektrik yang ada di negara kita ini sepertimana yang dirancangan oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos waktu berucap di Pasir Gudang iaitu beliau mencadangkan dari Sumatera akan membawa kepada Semenanjung Malaysia dan dari Sarawak juga akan membekalkan tenaga elektrik ke Semenanjung Malaysia. Jadi ini adalah projek yang besar. Yang anihnya sekali dari Sabah pula, dari Sabah akan membekalkan elektrik ke Filipina-Sabah Link with Philippines. Jadi cadangan ini terlalu jauh, terlalu tinggi. Yang perlunya sekarang kita mesti membuat satu kajian yang penting, keperluan yang diperlukan oleh rakyat di seluruh Malaysia ini kerana dengan cara membekalkan elektrik inilah datangnya aliran bagaimana taraf hidup rakyat di luar bandar itu dapat ditinggikan kerana adanya tenaga elektrik, kerana rakyat di luar bandar dapat menjimatkan tenaga mereka, tenaga manusia yang mereka gunakan seperti menggunakan rice cooker, kettle elektrik tanpa

menggunakan kayu api dan sebagainya dan masa mereka dapat ditumpukan kepada yang lain-lain terutama sekali kaum-kaum ibu kita, mereka tidak akan menggunakan seterika yang menggunakan arang kayu, mereka akan menggunakan tenaga elektrik dan kettle ini pula ada signal, apabila kita sedang menseterika, bila air sudah mendidih, kettlenya sudah bersiul, dia tahu air panasnya sudah masak. Ini menjimatkan tenaga manusia.

Tuan Yang Dipertua, saya percaya tenaga yang ada di Malaysia ini sangatlah banyak daripada sumber gas asli di Sarawak, di Trengganu, di Sabah juga dan lagi daripada sumber air iaitu daripada hidro-elektrik. Namun demikian kita belum dapat mencapai semua hanya dalam peringkat rancangan sahaja. Seperti di Sabah hidro-elektrik yang sudah mula dicadangkan dalam tahun 1973 di kawasan Tenam Tangi, iaitu kawasan pendalaman dan rakyat Sabah juga mengharapkan hidro-elektrik yang dibuat di Tenam ini nanti akan dapat membekalkan kuasa tenaga elektrik di seluruh pendalaman negeri Sabah. Tetapi hari ini sehingga Lembaga Letrik Sabah ini akan diserapkan kepada Perbadanan persekutuan dan saya percaya mudah-mudahan dengan adanya pakar-pakar dan pegawai-pegawai daripada Lembaga Letrik Negara akan dapat mempercepatkan dan memberikan pandangan-pandangan yang lebih baik supaya kuasa tenaga hidro yang ada di Tenam Tangi itu dapat dirasakan. Inilah, Tuan Yang Dipertua, waktu itu dalam tahun 1973, saya menjadi Timbalan Pengerusi Lembaga Letrik Sabah dan saya menyedari dalam soal ini.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi yang terdapat dalam pembiayaan kos ini, sepertimana kalau seseorang pengguna ingin mendapatkan bekalan elektrik mereka ini terpaksa kena membayar tiang elektrik masuk ke

rumahnya. Kalau sekiranya jarak daripada rumah itu lebih daripada 60 kaki, mereka terpaksa kena membayar \$900 satu tiang dan tiang ini pula menjadi hakmilik Lembaga, bukan hakmilik kepada pengguna tadi. Jadi bagaimana pula rumah yang baru dibuat, jiran sebelah menyambung mereka tidak kena bayar tiang elektrik tadi. Inilah yang menjadi anihnya. Saya percaya sistem seperti ini patut diubah, ia mesti dibayar sendiri oleh Lembaga Letrik bukan oleh pengguna-pengguna itu.

Demikian juga meter-meter, tiap-tiap kali bil yang dihantar kita kena bayar meter ini, \$1 satu bulan Meter itu hak yang dipunyai oleh Lembaga Letrik, jadi tidaklah semestinya kita membiayai kos meter ini dan sebagainya.

Demikian juga bila seseorang berkehendakkan kuasa (power) yang lebih kuat sedikit bagi memasang hawa dingin dan sebagainya, terdapat di Sabah semua perkakas-perkakas, alat-alat meter dan sebagainya disimpan di Kota Kinabalu, bila, katakan daerah Tawau, Sandakan, Lahat Datu, Labuan yang berkehendakkan alat-alat ini mereka terpaksa menunggu selama dua atau tiga bulan barulah meter ini boleh dibawa. Ini telah menyusahkan sedikit keadaan orang-orang yang berkehendakkan kuasa elektrik ini.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi saya suka mencadangkan demi untuk mengurangkan kos membuat tenaga elektrik di mana-mana juga kawasan di seluruh negara. Jika tidak dapat bekalan elektrik melalui hidro, gas dan sebagainya kenapa tidak dicuba sahaja menggunakan solar system iaitu cahaya suria. Mungkin cahaya suria ini lebih mudah digunakan di kawasan-kawasan yang susah untuk membawa

talian elektrik, susah untuk membawa tiang elektrik, mungkin kerana bukit-bukau dan sebagainya, jalan raya tidak ada dan jauh daripada perhubungan dan sebagainya dan Kerajaan cuba mencari jalan sama ada solar system atau daripada cahaya suria yang boleh mengeluarkan tenaga elektrik ini lebih murah.

Tuan Yang Dipertua, mungkin saya teringat ada satu cahaya suria ini pernah dibuat di Sabah iaitu di Tenom, telah dibuat bagi penduduk-penduduk yang sukar untuk mendapatkan tenaga elektrik.

Tuan Yang Dipertua, saya sebenarnya mengalu-alukan Lembaga Letrik Negara ini supaya dapat dengan seberapa boleh memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih memuaskan dan diharapkan juga soal-soal kakitangan Lembaga Letrik Sabah ini daripada mula-mula sekali mereka ini telah pun mengabdikan diri mereka dengan Lembaga Letrik Sabah, maka bukanlah maksud saya kenaikan pangkat itu terus daripada engine driver terus kepada jadi Jurutera Elektrik, tetapi sekurang-kurangnya memberikan pertimbangan mungkin pada masa mereka mula berkhidmat kelulusan mereka itu tidaklah setaraf atau seimbang dengan kehendak skim perkhidmatan yang terdapat di dalam Lembaga Letrik Negara.

Dan juga satu lagi, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup. Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 6hb Januari, 1983.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.